**Insentif pukat & teksi** MS 2 & 3



**Cegah biak aedes** MS 6



**Flotila P. Pinang paling popular** MS 24



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 30 JUN 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Ramadan gandakan ibadah, dakwah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan kepada semua 212 masjid di negeri ini, sempena menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam ucapannya berkata, keberkatan bulan ibadah puasa ini seharusnya menuntut umat Islam agar menyebarkan rasa saling kasih sayang sesama manusia, termasuk ke atas golongan miskin serta mereka yang belum memeluk agama Islam.



**DR. Abdul Rahman Abbas (empat dari kanan) sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan papan logo *"Penang Suoq Ramadan 2015"* kepada salah seorang wakil korporat pada Majlis Suoq Ramadan & Ihya' Ramadan 2015 di sini baru-baru ini.**

"Berpuasa ini sangat dalam maksudnya, iaitu bukti ketakwaan kita kepada Allah serta memupuk kasih sayang kita dengan golongan fakir dan miskin yang selama ini terpaksa mengikat perut untuk meneruskan kehidupan.

"Sempena Ramadan kali ini, marilah kita menggandakan ibadah kita kepada Allah, serta mengamalkan kesederhanaan supaya Islam terus dilihat sebagai 'Rahmat Ke Seluruh Alam'," ucapnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat pada Majlis Suoq Ramadan & Ihya' Ramadan 2015 di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam ucapannya turut menyeru umat Islam supaya menggiatkan usaha dakwah pada bulan Ramadan, selain menggandakan ibadah-ibadah sunat yang lain.

"Jangan kita hanya memburu ibadah solat tarawih secara berjemaah semata-mata sehingga terlupa mengenai keutamaan dakwah khususnya kepada bukan Islam.

"Islam adalah agama *Rahmatan Lil 'Alamin* (Rahmat Ke Seluruh Alam), maka wajiblah kita menjelaskan mengenai keindahan Islam baik kepada orang Islam mahupun (mereka yang) bukan Islam," jelas Abdul Malik.

Difahamkan, Masjid Negeri Pulau Pinang menerima sumbangan RM5,000, manakala, kelima-lima masjid daerah masing-masing menerima RM2,000 untuk melaksanakan program kariah masjid, sepanjang bulan Ramadan ini.

Tiap-tiap masjid kariah pula turut diberi sumbangan sebanyak RM1,000.

Pada majlis sama, Abdul Rahman turut menyerahkan papan logo *"Penang Suoq Ramadan 2015"* kepada beberapa badan korporat, antaranya Gama Supermarket & Departmental Store Sdn. Bhd., *Sunway Carnival Mall,* Kamdar Sdn. Bhd., Sunshine Square cawangan Bayan Baru, Farlim dan Bertam, Restoran De'Pauh Garden, Mydin Emporium, Mydin Hypermarket cawangan Bertam dan Bukit Jambul, Prangin Mall serta PDC Setia Urus Sdn. Bhd..

Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) turut menyertai majlis rasmi tersebut.

## Bonus Raya: setengah bulan gaji, minimum RM600

**GEORGE TOWN** – Penjawat-penjawat awam Kerajaan Negeri menikmati bonus setengah bulan gaji dengan jumlah bayaran minimum RM600 sempena Aidilfitri tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata dalam sidang medianya di sini, seramai 4,178 penjawat awam negeri menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) setengah bulan gaji dengan jumlah keseluruhannya RM4.5 juta.

Katanya, bantuan tersebut turut dinikmati 1,424 guru dan 14 penyelia KAFA (Kelas Asas Fardhu 'Ain), 343 guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) serta 482 guru dan staf Sekolah Persendirian Cina lain dengan bayaran RM300 setiap seorang.

"Manakala bagi 141 guru tahfiz, tiga guru Sekolah Pondok dan 50 guru Tadika Islam (TADIS) juga bakal menerima RM200 setiap seorang.

"Pembayaran dibuat pada 25 Jun 2015," jelas beliau.

# Bantuan pukat ringan beban nelayan pantai



ISMAIL Saad.



HALIL Sabri Hamid (tengah) dan Mohd. Tuah Ismail (dua dari kiri) bersama-sama beberapa nelayan pantai menunjukkan tanda bagus sejurus Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Menangkap Ikan di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TELUK BAHANG** - Kerajaan Negeri bertekad meneruskan pemberian bantuan peralatan menangkap ikan kepada golongan nelayan pantai di negeri ini bagi membantu meringankan bebanan golongan berkaitan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin percaya, dengan pelaksanaan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April lalu, ia sedikit sebanyak telah memberi tekanan kepada golongan nelayan pantai ekoran terdapat kenaikan kos enam peratus terhadap produk dan peralatan menangkap ikan mereka.

"Sepatutnya, Kerajaan Pusat mengecualikan GST terhadap pembelian pukat atau peralatan menangkap ikan lain dan bukannya membebankan golongan nelayan.

"Bukan ada orang lain pun nak pakai (guna) pukat ni, nelayan ja (sahaja) yang dok pakai (menggunakannya) pun," ujarnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Menangkap Ikan di jeti pendaratan ikan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang, Raja Khalid Raja Ariffin; Pengerusi Persatuan Nelayan Teluk Bahang, Johari Muhammad; Penghulu Teluk Bahang, Mohd. Amin Nordin, wakil-wakil Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) serta Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail turut sama hadir pada majlis tersebut.

Menurut Afif, meskipun tidak dapat memberi bantuan sepenuhnya, Kerajaan Negeri sedayanya mengambil berat terhadap keperluan dan kebajikan lebih 3,000 nelayan pantai di Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah menyediakan peruntukan sehingga RM1 juta setiap tahun bagi memberi bantuan peralatan menangkap ikan kepada nelayan pantai.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan hasil tangkapan dan nilai jualan antaranya menaik taraf beberapa tempat pendaratan ikan termasuk di Pasar Bisik dan juga cadangan pembinaan tukun-tukun tiruan di Pulau Kendi bagi menambahkan populasi ikan di kawasan tersebut," jelas beliau.

Dalam pada itu, Afif memberitahu, Kerajaan Negeri juga mengambil pelbagai pendekatan positif dan baharu bagi membantu bukan sahaja golongan nelayan pantai, tetapi juga para petani dan penternak di Pulau Pinang.

"Semua ini untuk rakyat, membantu rakyat, mengurangkan bebanan kos sara hidup yang kian meningkat," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang nelayan pantai dari Pantai Acheh, di sini, **Thor Kang Eng, 56,** berkata, bantuan pukat udang banyak membantunya menjalankan aktiviti menangkap udang.

"Mau (mahu) beli sendiri pun mahal, kena GST lagi, setiap tiga bulan kena ganti baru.

"Saya amat menghargai bantuan pukat ini dan sebelum ini pun saya menerima bantuan yang sama sejak tiga tahun lalu," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi **Mohd. Amin Nordin, 50,** beliau menyatakan bahawa bantuan pukat bawal yang diterimanya dapat mengurangkan beban beliau sebagai nelayan pantai.

"Dengan sumbangan ini mudah-mudahan rezeki akan bertambah dan saya akan terus melakukan pekerjaan ini selagi masih sihat," jelasnya.

Rakannya, **Ismail Saad, 68,** dari Batu Ferringhi di sini melahirkan rasa syukur dengan pemberian tong ikan berkapasiti 100 liter.

"Tahun lepas, saya terima pukat, tahun ni saya terima tong ikan. Alhamdulillah depa (Kerajaan Negeri) tanya apa kita nak, pakcik minta tong, dapat tong. Nak beli pun mahal, ada yang jual sampai harga RM300 seunit," ulas Ismail.

Seramai 327 nelayan pantai dari Persatuan Nelayan Teluk Bahang menerima bantuan peralatan menangkap ikan termasuk pukat hanyut, tong simpanan dan pukat pantai.

# Pesta Durian Pulau Pinang kembali!

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & DARWINA MOHD. DAUD**



GHAZALI Derahman (tengah) mengopek durian sebagai gimik pelancaran Pesta Jom Makan Durian Pulau Pinang 2015 Tahun Ke-Enam di Anjung Indah, Balik Pulau baru-baru ini.

**RAJA BUAH ...** Pesta Jom Makan Durian Pulau Pinang 2015 Tahun Ke-Enam kembali menemui penggemar Raja Buah di Anjung Indah, Balik Pulau baru-baru ini.

Hampir 500 pengunjung dari dalam dan luar negeri hadir untuk menikmati sendiri kelazatan durian-durian Balik Pulau seperti '*Musang King*', '*Ang Hae*', '*Ho Lor*' dan '*Gan Ja*' yang amat popular.

Majlis perasmian penganjuran tersebut disempurnakan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ghazali Derahman.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Ahmad Munir Yusoff, Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, SPT), ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai penyelaras kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK).

Dalam perkembangan berasingan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow turut menganjurkan 'kenduri durian' khas untuk pengamal media di negeri ini di sini baru-baru ini.



WAKIL-wakil Buletin Mutiara yang hadir pada penganjuran 'kenduri durian' menunjukkan durian-durian yang disajikan sambil bergambar kenangan dengan Chow Kon Yeow (tiga dari kiri).

# 1,602 terima sumbangan zakat sempena sambut Ramadan

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**




DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) dan Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) memegang plakad agihan sumber zakat sempena sambutan Nur Ramadan 2015M/1436H di sini baru-baru ini.

**BERTAM**– Seramai 1,602 orang asnaf terpilih dari sekitar kawasan Seberang Perai menerima pelbagai sumbangan daripada sumber zakat yang keseluruhannya berjumlah RM1,070,136 sempena sambutan Nur Ramadan kali ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, jumlah keseluruhan sumbangan bantuan Nur Ramadan kali ini adalah sebanyak RM8,570,000, iaitu diagihkan dalam bentuk wang tunai RM600, hamper dan beras demi menceriakan mereka yang berkenaan.

"Sumbangan yang disampaikan menjelang masuknya bulan ibadah berpuasa (Ramadan) ini diharapkan akan menjadi lebih bermakna dan menceriakan kita semua, khususnya para penerima hari ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut berucap pada majlis tersebut.

Majlis Nur Ramadan 2015M/1436H itu dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Seri Farizan Darus dan Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat.

Pada majlis sama, Abdul Rahman turut mewakili ZPP bagi menerima zakat korporat daripada wakil Telekom Malaysia Berhad (TM) dan wakil Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Malaysia Berhad, PLUS), yang *haul* 2014 masing-masing berjumlah RM128,469 dan RM708,244.

Mohd. Salleh pada sidang media selepas itu turut memberi respons pada isu semua wakil PAS digesa melepaskan jawatan lantikan politik masing-masing dalam Kerajaan Negeri, susulan usul 'memutuskan hubungan politik dengan DAP' telahpun diterima dalam muktamar parti baru-baru ini.2

Mohd. Salleh memberitahu, statusnya sebagai Yang di-Pertua MAINPP hanya boleh ditentukan oleh istana memandangkan pelantikannya dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong.

"Saya masih Yang di-Pertua Majlis Agama Islam...masih berkhidmat dengan Kerajaan, masih berkhidmat dengan majlis (MAINPP) dan masih berkhidmat dengan zakat (sebagai Ahli Lembaga Pengarah ZPP).

"Saya dilantik oleh pihak istana dan saya menghormati pelantikan yang diperkenan oleh Yang Dipertuan Agong," jelas Mohd. Salleh kepada wartawan.

# Serangan Dr. Mahathir punca nilai ringgit susut tak logik - KM



SEMANGAT dan kesepakatan sebahagian pemandu teksi bajet, teksi lapangan terbang, teksi eksekutif, teksi mewah, limousin dan kereta sewa yang sah berdaftar yang hadir pada majlis penyampaian sumbangan yang diadakan.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**



PARA pemandu teksi menunjukkan insentif yang diterima pada Majlis Penyampaian Insentif RM300 kepada Pemandu Teksi Kali Ke-6 Peringkat Pulau Pulau Pinang baru-baru ini.



HISHAK Sulaiman (kiri) dan B. Ramadas.



N. Puspanathan.

**SEBERANG JAYA** – Tak mungkin serangan Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung isu skandal hutang tertunggak 1 Malaysian Development Berhad (1MDB) kira-kira RM42 bilion sebagai punca penyusutan berterusan nilai Ringgit Malaysia (RM) kebelakangan ini.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap dakwaan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan ke atas Mahathir itu adalah tidak logik.

“Dulu, 950 Bath (untuk RM100), sekarang tinggal 830 Bath.

"Mengapa kita (Malaysia) pertumbuhan ekonomi 6 peratus, sedangkan ia (ekonomi Thailand) bertumbuhan hanya 1 peratus, tetapi nilai (mata wang) Bath lebih kukuh berbanding kita (Ringgit Malaysia).

"Mengapa...kerana di Thailand tiada skandal 1MDB, tetapi di sini (tanah air) ada '1Malaysia Dalam Bahaya," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan semasa berucap pada Majlis Penyampaian Insentif RM300 kepada Pemandu Teksi Kali Ke-6 di sini baru-baru ini.

Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang (Gabungan), Abd. Malek Darus turut berucap pada majlis tersebut.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Phee Boon Poh ( Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis bagi MPSP).

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut menggesa Kerajaan Pusat supaya tidak menaikkan tol, sebagaimana didedahkan pihak tertentu dalam media elektronik baru-baru ini.

“Kita kena minta Kerajaan Pusat jangan naikkan tol kerana sudah ada GST (Cukai Barangan & Perkhidmatan) dan (kenaikan harga) minyak," kata beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Difahamkan, seramai 2,627 pemandu teksi bajet, teksi lapangan terbang, teksi eksekutif, teksi mewah, limousin dan kereta sewa yang sah berdaftar menerima RM300 setiap seorang pada majlis berkaitan. Jumlah tersebut meliputi 1,967 pemandu di bahagian pulau dan Seberang Perai (660) dengan jumlah keseluruhan bernilai RM788,100.

Guan Eng memberitahu bahawa semua penerima dihargai kerana turut dilihat membantu pembangunan sektor perkhidmatan secara tidak langsung, iaitu industri pelancongan negeri.

"Anda semua bukan sahaja duta kecil kepada Kerajaan Negeri, bahkan untuk seluruh rakyat Pulau Pinang," ujar beliau.

Dalam pada itu, **Hishak Sulaiman, 62,** melahirkan penghargaan atas komitmen Kerajaan Negeri memberi insentif RM600 dalam dwi majlis tiap-tiap tahun.

"Insentif ini memang membantu meringankan perbelanjaan keluarga para pemandu teksi, (maka) saya harap insentif ini berterusan," jelas beliau, yang berkerjaya sebagai pemandu teksi sejak 33 tahun lepas kepada Buletin Mutiara selepas majlis penyampaian insentif di sini baru-baru ini.

Nada yang sama turut diluahkan oleh **B. Ramadas.**

"Insentif ini senantiasa ditunggu-tunggu oleh kami untuk membaiki teksi serta memperbaharui cukai jalan," jelasnya, pemandu teksi berpengalaman selama 25 tahun.

Bagi **N. Puspanathan, 54,** beliau berharap Kerajaan Negeri boleh berunding dengan Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung syor pemandu diminta membeli kenderaan baru bagi teksi yang berusia lebih 10 tahun.

"Sudah tiga kali dapat (insentif), saya sangat gembira.

"Tapi, saya berharap Kerajaan Negeri dapat melakukan sesuatu kerana kereta lama kami diminta tukar pada kereta baru, sekarang," seru beliau.

# Projek tebatan banjir manfaat 3,000 keluarga

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama wakil MBPP, perunding projek dan wakil kontraktor meneliti pelan pelaksanaan fasa empat kerja-kerja projek tebatan banjir pada lawatan beliau ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Fasa empat kerja-kerja tebatan banjir kilat di Jalan Transfer, Jalan Hutton dan kawasan sekitarnya yang sedang dilaksana kini menelan belanja RM5,868,396.50.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, projek tersebut diharap akan mengurangkan lagi risiko banjir kilat.

"Projek ini akan memberikan manfaat seperti mengurangkan risiko banjir kilat yang seringkali dihadapi oleh penduduk setempat, yang populasi mereka kira-kira 3,000 keluarga," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, semasa melawat kawasan pemajuan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, projek di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tersebut kesemua terdiri oleh enam fasa, yang dimulakan pada 1 April lepas dan dijangka siap sepenuhnya pada 24 Mei tahun depan.

Menurut Kon Yeow, kos pemajuan yang dilihat agak tinggi kerana turut melibatkan komponen *roadworks,* pengalihan utiliti serta perabot jalan.

"Untuk mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Transfer, Jalan Hutton dan kawasan sekitarnya dengan meningkatkan keupayaan kadar alir parit sedia ada, berukuran 2.0 meter kepada saiz yang lebih besar, iaitu 3.6 meter hingga 4.8 meter, dan menjadikan parit sebagai tempat takungan air hujan semasa air pasang," jelas Kon Yeow lagi.

Dalam perkembangan berasingan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri meluluskan RM48 juta bagi tahun 2015 untuk kajian dan projek-projek tebatan banjir di seluruh negeri ini, sungguhpun terpaksa berbelanja lebih akibat daripada langkah Kerajaan Pusat melaksanakan enam peratus Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST).

Dari jumlah itu, beliau memberitahu, RM21 juta akan diperuntukkan untuk bahagian pulau, manakala, baki RM27 juta lagi untuk kawasan Seberang Perai.

“Saya sangat memahami bahawa sesetengah Kerajaan Negeri tidak mampu meneruskan projek pembangunan disebabkan mereka tidak mampu untuk membayar cukai GST, tetapi Pulau Pinang cuba melakukan sebaik mungkin,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, RM3.8 juta telahpun diperuntukkan melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP, kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) pada tahun 2013 untuk menaik taraf sistem perparitan di Jalan Burma, Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim, Jalan Gottlieb dan Jalan Besi.

Manakala, sejumlah RM3.23 juta dibelanjakan pada tahun 2014 untuk projek serupa di Lebuhraya Pykett, Jalan Logan, Jalan Cantonment, Jalan Residensi, Jalan Macalister dan Gat. Lebuh Pasar.

Sehingga Mei tahun ini, Kerajaan Negeri meluluskan RM8.36 juta melibatkan dua projek, iaitu RM2.5 juta di Lorong Perak dan terbaru di Jalan Hutton dan Jalan Transfer ini dengan kos RM5.86 juta.

# KN komited pelihara Sg. Pinang demi generasi masa depan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



CHOW Kon Yeow (bertopi biru) bersama-sama wakil jabatan kerajaan meninjau keadaan Sungai Pinang di sini baru-baru ini.



KEADAAN di jeti di Sungai Pinang.

**SUNGAI PINANG –** Kerajaan Negeri menzahirkan komitmen tinggi dalam memastikan kebersihan Sungai Pinang dapat ditingkatkan sekaligus terpelihara untuk generasi akan datang.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri akan terus mengadakan pemantauan dengan lebih terperinci dan berusaha memastikan tahap pencemaran Sungai Pinang dapat dibendung.

Jelasnya, Kerajaan Negeri mengambil intensif tersebut selepas menyedari kepentingan penjagaan sungai terutama untuk generasi masa hadapan.

“Perbezaan amat ketara jika dilihat dari segi kondisi Sungai Pinang dahulu dan kini.

“Sungguhpun masih terdapat sampah-sarap terutama di bahagian hulu Sungai Pinang, saya percaya usaha yang dijalankan akan memberi impak yang positif kelak,” ujarnya sejurus mengadakan tinjauan khas sempena Hari Alam Sekitar Sedunia menyelusuri Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Kapten (B) Ir. Anuar Yahya; Pengarah Bahagian Perbandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mubarak Yunus; Penolong Jurutera Jabatan Alam Sekitar, Syaifulbahrin Jalaluddin dan Jurutera Daerah Timur Laut, Haslinda Mohamad Hamran.

Hasil tinjauan, menurut Kon Yeow, menunjukkan bahagian hulu sungai terutama di kawasan Kampung Rawa, Kampung Makam, Taman Free School, pasar Jalan Kuantan dan Sungai Jelutong tercemar dengan kuantiti sampah domestik yang banyak.

“Sampah-sarap ini termasuk pelepasan enap cemar dari saluran kumbahan, sisa buangan dari premis perniagaan atau rumah-rumah di tepi sungai, botol-botol plastik dan tin minuman, aerosol serta makanan dan sisa-sisa tidak dirawat turut dijumpai terapung sepanjang tinjauan ini.

“Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan) telah menggerakkan pasukan petugas khas untuk terus memantau tahap pencemaran di sepanjang Sungai Pinang hingga ke hilir, termasuk mengadakan lawatan yang lebih kerap serta melaporkan sebarang jenis pencemaran yang menjejas kualiti air,” ujarnya.

Sehubungan itu, Kon Yeow menyeru semua pihak terutama mereka yang tinggal di sepanjang Sungai Pinang supaya mengambil sikap kebertanggungjawaban terhadap kebersihan alam sekitar termasuk Sungai Pinang.

“Sama-samalah kita pelihara sungai kita demi kelestarian generasi masa hadapan,” seru beliau.





SISA-sisa buangan yang terapung dan mencemarkan Sungai Pinang ekoran sikap tidak bertanggungjawab masyarakat umum.

## TKMI harap media amal integriti penyampaian maklumat

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PANTAI JEREJAK –** Pejabat Timbalan Ketua Menteri I (TKMI) baru-baru ini menganjurkan Majlis Makan Malam TKMI Bersama Media bagi menghargai usaha dan kerjasama antara dua pihak berkaitan di sini.

TKMI, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, peranan media amat luas dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai khususnya berkaitan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dari masa ke masa.

“Saya berasa amat gembira dengan jalinan kerjasama yang ditonjolkan terutama dalam mendidik dan menyampaikan maklumat terkini kepada orang ramai.

“Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan kerjasama strategik dapat dijalinkan bersama media massa di Pulau Pinang,” katanya ketika berucap dalam majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Nor Azizah Haron.

Dalam pada itu, tambah Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, beliau mengharapkan agar pihak media mampu mengamalkan integriti dalam penyampaian maklumat dan tidak bersifat 'pilih bulu'.

Seramai 65 pengamal media termasuk editor, penulis dan jurugambar dari 19 buah penerbitan tempatan hadir memeriahkan majlis.

Majlis Makan Malam TKMI Bersama Media itu turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya pertandingan karaoke, sesi bergambar dan cabutan bertuah.



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) bergambar kenangan dengan wakil-wakil Buletin Mutiara yang hadir pada Majlis Makan Malam TKMI Bersama Media di sini baru-baru ini.

# Akta Pengurusan Strata 2013 kuatkuasa 12 Jun di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang dikuatkuasakan di seluruh negara pada 1 Jun lepas, mula dilaksanakan di Pulau Pinang 12 hari selepas itu setelah memperoleh kelulusan pihak berkuasa Negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menjelaskan akta baru itu diperkenalkan bagi menggantikan Akta 663 atau Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

Akta baru itu, menurut Jagdeep, akan membolehkan kedua-dua tuan tanah serta penyewa dibawa ke mahkamah, berbanding akta lama yang hanya membenarkan tindakan ke atas tuan tanah sahaja.

"Akta ini diwartakan pada tahun 2013 lagi, tetapi masih menunggu sokongan (kelulusan) daripada semua (Pihak Berkuasa) Negeri.

"Akta ini akan memperkemas (proses) pengeluaran hak milik strata dan menjadikannya lebih cepat untuk pemilik mendapatkan ia daripada pemaju perumahan," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Selain itu, Jagdeep memberitahu, akta baru tersebut juga membolehkan pemaju perumahan dikenakan penalti yang tinggi jika tidak mematuhi undang-undang berwajib.

"Ini, akan meletakkan para pemaju perumahan (supaya) lebih tanggungjawab untuk bangunan berstrata serta memastikan pengurusan hartanah strata yang lebih bertanggungjawab," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Sebelum itu, Guan Eng menjelaskan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini turut memutuskan untuk memberi sokongan kepada inisiatif Kerajaan Pusat supaya tiada lagi halangan berbangkit terhadap permohonan hak milik strata di negeri ini.

"Pada masa sama, kami (Kerajaan Negeri) mengambil keputusan untuk menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dengan menyokong Akta Pengurusan Strata 2013, yang telah diluluskan oleh (Mesyuarat) Exco Kerajaan Negeri.

"Ini bermakna, Pulau Pinang akan menjadi sebahagian daripada negara (yang menguatkuasa) akta yang baru," kata Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Tambah Guan Eng, sokongan itu penting kerana kira-kira 60 peratus daripada kediaman di pulau ini merupakan unit rumah berstrata.



**JAGDEEP Singh Deo pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik membangkitkan rancangan perwataan dan penguatkuasaan akta tersebut di Pulau Pinang.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Datuk Abdul Rahman Dahlan dalam jawapan lisannya di Dewan Rakyat memberitahu bahawa perwartaan khusus di negeri ini dikuatkuasakan mulai 12 Jun ini.

Akta 757 ini, katanya, adalah demi memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berkenaan kerajaan tempatan dilaksanakan di semua negeri.

"Akta 757 ini juga digubal bagi memenuhi keperluan pembeli, pemilik, pihak pengurusan serta pihak-pihak yang berkepentingan, di samping mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pengurusan pemajuan berstrata," kata Abdul Rahman.

# KN tawar rumah mampu milik untuk golongan mahir, tertakluk pada syarat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bakal memperuntukkan sejumlah perumahan kos sederhana dan mampu milik kepada rakyat Malaysia yang mempunyai kemahiran dan kompentasi tinggi serta berbakat besar bagi menggalakkan golongan berkaitan terus menetap di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dalam sidang medianya berkata, Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) telah bersetuju dengan cadangan dikemukakan oleh badan industri Kerajaan Negeri, *investPenang* (iP) agar sejumlah peratusan penjualan rumah diperuntukan kepada golongan berkemahiran tinggi yang berkerja dan menyumbang bakti terhadap kelestarian pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang.

Jelasnya, iP mengemukakan cadangan tersebut berdasarkan kaji selidik yang dilakukan baru-baru ini iaitu dianggarkan sejumlah 13,088 peluang pekerjaan baharu diramal akan wujud terutama dalam bidang kejuruteraan, perakaunan dan teknologi tinggi menjelang tahun 2017.

“Berdasarkan kriteria dan kaji selidik dikemukakan *investPenang* (iP), SPEC telah bersetuju untuk menerima cadangan tersebut, tetapi ianya tertakluk kepada beberapa pematuhan dan kelayakan yang telah ditetapkan oleh SPEC sebelum ini.

“SPEC tidak akan menetapkan peratusan tertentu dari mana-mana projek perumahan untuk golongan ini, tetapi akan menimbang permohonan mereka mengikut garis panduan dan pematuhan yang telah ditetapkan,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Jawatankuasa SPEC lain iaitu Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Ong Chin Wen (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bukit Tengah).

Tambah Jagdeep, SPEC juga dalam masa sama perlu memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang yang telah ada dalam senarai menunggu dan senarai pertimbangan SPEC.

“Bagi mengelakkan 'kategori' baharu ini disalah guna, antara syarat yang telah kita (SPEC) tetapkan adalah pemohon diwajibkan tinggal di Pulau Pinang sekurang-kurangnya selama lima tahun dan juga pengundi berdaftar di negeri ini,” jelas beliau.

*Dengan hanya RM5.00, semua orang mampu berwakaf.*



# Cegah biak aedes paling berkesan - Exco



DR. Afif Bahardin (lima dari kanan) dan ahli jawatankuasa penganjur merakam gambar kenangan sempena penganjuran Konvensyen COMBI Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015 di sini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM –** Sebanyak 112 pasukan sukarelawan Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) yang berjaya ditubuhkan meliputi kesemua lima daerah di negeri ini digesa lebih agresif dalam memerangi wabak denggi, dengan mengadakan kempen hingga ke peringkat unit keluarga di lokaliti masing-masing.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Konvensyen COMBI Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015 di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di sini baru-baru ini.

"*Fogging* (pengabusan) sahaja tak memadai kerana cara ini hanya menghapuskan nyamuk aedes yang sedia membiak.

"Nak melawan denggi ini, caranya adalah cegah pembiakan dari awal, bukan *fogging* dan letak *abate*.

"Begitu juga gotong-royong sahaja tidak memadai, kesedaran mesti sampai tiap-tiap keluarga supaya boleh ambil masa sekurang-kurangnya 10 minit dalam seminggu untuk semak kawasan rumah masing-masing untuk hapus kawasan pembiakan nyamuk aedes ini," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Vektor Negeri, Dr. Fazilah Mydin dan Mahiran Abu Bakar (Ketua Penolong Pengarah Unit Promosi Kesihatan Negeri) turut menyertai konvensyen seharian tersebut.

Pada majlis tersebut, Afif turut menyampaikan hadiah kepada pasukan-pasukan COMBI yang memenangi pertandingan kategori lisan dan poster.

Beliau memberitahu, kesemua jawatankuasa COMBI yang terpilih secara automatik akan mewakili negeri ke Simposium COMBI Kebangsaan 2015 yang akan diadakan di Nilai, Negeri Sembilan.

COMBI ditubuhkan di Pulau Pinang pada penghujung tahun 2013.



SALAH seorang peserta membuat pendaftaran bagi menyertai Konvensyen COMBI Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



SALAH seorang penduduk menerima bungkusan repelen dan *abate* daripada Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) sempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.

# Tubuh unit kawalan vektor bendung aedes

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**DATUK KERAMAT –** Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyeru pemaju-pemaju projek pembinaan supaya menubuhkan unit kawalan vektor masing-masing bagi membendung peningkatan kes demam denggi di negeri ini.

Katanya, unit tersebut adalah amat penting bagi memantau, mengenal pasti dan memusnahkan tapak-tapak pembinaan daripada menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

"Itu yang kita (Kerajaan Negeri) hendak tekankan, sekarang saya sedang berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung cara melaksanakan tindakan lebih tegas terhadap pemilik-pemilik tapak pembinaan terlibat.

"Selain tindakan tegas seperti kompaun, kita juga perlu melaksanakan tindakan mencegah," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah tapak pembinaan di sini baru-baru ini.

Bersempena lawatan tersebut, Afif turut menyumbangkan repelen dan *abate* kepada Pengetua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) Heng Ee, Low Lim Wah yang mana lokasi terbabit terletak berhampiran dengan tapak pembinaan yang dilawati.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu bahawa beliau akan mengkaji semula Akta Bangunan setiap PBT bagi meneliti kawalan keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak pembinaan. Kajian tersebut adalah bagi memastikan sama ada Kerajaan Negeri perlu mengambil pakar luar bagi menangani isu pembiakan aedes ataupun sebaliknya.

Tambah Afif, peningkatan kes denggi pada tahun 2015 iaitu pada Januari hingga Mei adalah sangat membimbangkan dengan 2,250 kes berbanding 734 kes pada tempoh sama tahun lalu.

"Pulau Pinang mencatatkan enam kematian sehingga tempoh minggu ke-21 tahun ini, malah, sebanyak 31 lokasi dikenalpasti sebagai kawasan wabak terkawal (diserang denggi dalam satu minggu); lima kawasan tidak terkawal (diserang denggi dalam masa dua minggu dan tiga kawasan panas (diserang denggi lebih dari sebulan)," jelas beliau.



# Pesta Bunga P. Pinang dedah biodiversiti alam semulajadi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KEBUN BUNGA** - Pesta Bunga Pulau Pinang boleh dijadikan acara tahunan kerana ia berupaya menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Isteri kepada Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Toh Puan Majimor Shariff berkata, pelbagai aktiviti menarik dan keunikan Pulau Pinang yang ditonjolkan sepanjang penganjuran Pesta Bunga Pulau Pinang dilihat mampu menarik kehadiran pelancong tempatan mahupun luar negara.

“Penganjuran Pesta Bunga Pulau Pinang 2015 kali ini dilihat menerapkan pelbagai inisiatif antaranya, memanjangkan tempoh penganjurannya buat kali pertama tahun ini bagi menarik lebih ramai pelancong terutama mereka yang gemar akan bunga-bungaan dan tumbuhan hijau.

“Ia juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan ia sebagai sebahagian ikon yang tercatat dalam kalendar pelancongan negeri ini.

“Malah, tambahan beberapa acara baharu tahun ini juga dilihat sebagai usaha untuk memeriahkan lagi sambutan berkaitan,” ucapnya pada Majlis Perasmian Pesta Bunga Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri Datin Nor Azizah Haron, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, Mohd. Azwa Shah Ahmad memberitahu, objektif penganjuran Pesta Bunga sebagai acara tahunan adalah untuk memperkenalkan beberapa spesis bunga-bungaan dan tumbuhan hijau yang hanya ada di Malaysia kepada umum.

“Saban tahun, kita menjanjikan pelbagai kelainan dan mengetengahkan pelbagai spesis tumbuhan yang jarang dilihat tetapi ada di Malaysia.

“Diharap pengunjung terutamanya penggemar bunga-bungaan dan tumbuhan hijau serta pencinta landskap dapat memanfaatkan sepenuhnya penganjuran ini.

“Inilah biodiversiti alam semulajadi yang terdapat di sekeliling kita,” ujar beliau.

Kira-kira 600 pokok bunga orkid dari 55 spesis yang terdapat di Malaysia dipamerkan sepanjang sembilan hari penganjurannya.

Selain pameran bunga orkid pelbagai spesis, turut diadakan pameran bonsai dan adenium serta pelbagai jenis kayu-kayan yang terdapat di Malaysia.



MAJIMOR Shariff (dua dari kiri) sambil ditemani Betty Chew Gek Cheng (dua dari kanan) melawat tapak pameran bunga orkid pada Majlis Perasmian Pesta Bunga Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.



ANTARA tumbuh-tumbuhan yang dipamerkan.

# Ikan louhan peliharaan 3 tahun juara

Gambar & Teks : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Seramai 60 pempamer menyertai pameran dan pertandingan ikan louhan peringkat antarabangsa sempena penganjuran AgroFest Negeri Pulau Pinang 2015 oleh Jabatan Perikanan di sini baru-baru ini.

Pengurus syarikat Chong Pin Soon (CPS), Peter Chong Pin Soon yang merupakan penganjur utama pertandingan tersebut berkata, pada tahun ini, pihaknya memperoleh penyertaan dari tiga negara iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia.

"Kami berharap acara ini akan memperoleh sambutan lebih meluas dengan *target* 100 penyertaan pada masa depan," katanya kepada Buletin Mutiara sempena penganjuran pertandingan berkaitan di sini baru-baru ini.

Syarikat CPS merupakan syarikat menjual ikan hiasan.

Antara kategori yang dipertandingkan adalah juara keseluruhan, kepala terbaik, badan terbaik, tanda terbaik, mutiara terbaik dan warna terbaik. Pemenang bagi setiap kategori membawa pulang trofi, sijil penyertaan, wang tunai dan makanan ikan yang ditaja khas.

Juara keseluruhan pertandingan ialah Phe Chee Keong, 34, yang berasal dari Pulau Pinang.

Dalam pada itu, menurut Chee Keong, beliau tidak menyangka penyertaan sulungnya telah membawa tuah setelah hampir tiga tahun berjinak-jinak dalam hobi berkaitan.



PHE Chee Keong menunjukkan trofi yang dimenangi sambil merakam gambar dengan ikan louhan peliharaannya pada pertandingan peringkat antarabangsa sempena penganjuran AgroFest Negeri Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

# AgroFest ekspo pertanian paling besar P. Pinang



DR. Afif Bahardin (depan, tengah) diiringi wakil penganjur meraikan kejayaan seorang peserta menangkap ikan dalam pertandingan pancing di kolam sempena penganjuran Karnival AgroFest 2015 Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Hampir 200 peserta memburu gelaran Raja Joran dalam pertandingan pancing di kolam Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini, sempena sambutan AgroFest Pulau Pinang 2015 baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa karnival tersebut merupakan ekspo pertanian paling besar di negeri ini.

“Selain pertandingan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada kaki pancing, AgroFest 2015 juga ada beberapa karnival baru untuk tarik pengunjung ke sini, antaranya binatang kambing dan ladang mini pelbagai sayuran.

"Kita harap karnival kali ini boleh menerima lebih 30,000 pengunjung," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada wartawan, selepas merasmikan pertandingan pancing ikan tersebut di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Afif melepaskan kira-kira 500 kilogram (kg) ikan ke dalam tasik buatan demi menjayakan acara tersebut.

Sebelum itu, majlis perasmian pembukaan AgroFest Pulau Pinang 2015 dirasmikan sendiri oleh Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut berucap pada majlis tersebut.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) dan kepemimpinan Kerajaan Negeri yang lain turut hadir.

Karnival kali ini menyediakan 30 gerai kekal, 40 khemah usahawan untuk dilawati pengunjung, sama ada dalam negeri atau luar negara.

Itu, tidak termasuk pelbagai ladang bunga-bungaan, sayur-sayuran, binatang ternakan dan sebagainya, yang semestinya menarik minat pengunjung.

# PBAHB umum dividen 7.5%, teruskan rundingan SPRWTS

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) baru-baru ini mengumumkan pembayaran dividen sebanyak 7.5 peratus kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Perkara itu diumumkan sendiri Pengerusi PBAHB yang juga Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam sidang media sejurus selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PBAHB di sini baru-baru ini.

"Dalam AGM PBAHB 2015, kita telah meluluskan pembayaran dividen sebanyak 7.5 peratus dan sebagai sebuah entiti yang menerajui bekalan air, kami percaya kepada pemberian imbuhan kepada para pemegang saham setiap tahun.

"Tahun ini merupakan tahun ke-12 berturut-turut PBAHB memberi imbuhan kepada 8,884 pemegang sahamnya dan ini membuktikan bahawa saham PBAHB adalah satu pelaburan yang stabil dan memuaskan dalam jangka masa panjang," ujarnya kepada pemberita di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa.

Menurut Guan Eng, setelah mengambil kira perbezaan lain dalam perbelanjaan pentadbiran, pendapatan faedah, keuntungan saham dan perbelanjaan cukai pendapatan, PBAHB mencatat keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM24.76 juta (2014) berbanding RM27.93 juta pada tahun 2013.

"Pada tahun 2014, PBAHB telah mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 3.69 peratus kepada RM261.02 juta berbanding RM251.73 juta pada tahun sebelumnya (2013).

"Walaupun kos jualan (termasuk kos elektrik, petrol, bahan kimia dan kos penyelenggaraan) meningkat sebanyak 6.62 peratus iaitu dari RM183.46 juta pada 2013 ke RM195.60 pada tahun 2014, PBAHB tetap memberi tumpuan dalam kecekapan kos bagi menghadapi peningkatan kos saban tahun," jelas beliau.

PBAHB adalah sebuah syarikat pegangan bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), pengendali air berlesen bagi Pulau Pinang. Perniagaan teras PBAHB adalah pembekalan air di Pulau Pinang.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mengulas tentang hasrat Kerajaan Negeri untuk membeli air mentah dari negeri Perak melalui Cadangan Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak atau SPRWTS dengan jumlah perbelanjaan (dijangkakan) mencecah RM2 bilion.

"Kita (Kerajaan Negeri) masih lagi dalam fasa perbincangan dan kali terakhir kita berjumpa dengan perwakilan Perak adalah pada Mac lalu.

"Perbincangan akan diteruskan demi menjamin bekalan air mentah selepas tahun 2020 di Pulau Pinang adalah mencukupi," jelasnya.

Beliau memberitahu, sumber kedua itu sangat diperlukan untuk mendepani perubahan iklim sehingga tahun 2050 kelak, walaupun Pulau Pinang berjaya keluar daripada langkah catuan seperti di beberapa negeri pada krisis air lalu.

"Kerajaan Persekutuan dan (Kerajaan Negeri) Perak seakan-akan membelakangi janji yang mereka buat sendiri untuk SPRWTS ini di mana Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) tidak mahu untuk menjadi orang tengah untuk berbincang antara Kerajaan Negeri Perak dan Pulau Pinang.

"Sebaliknya, KeTTHA telah meminta kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) pula untuk berunding secara langsung dengan Perak dalam SPRWTS ini," katanya yang turut berhasrat meneruskan rundingan dengan Kerajaan Negeri Perak dalam waktu terdekat.



**KETUA Menteri menunjukkan Laporan Kewangan Tahunan PBAHB dalam sidang media yang turut dihadiri Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri), Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) dan Ir. Jaseni Maidinsa (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.**

## Kajian pelan strategik demi kurang kemalangan jalan raya



**MIOR Faridalathrash Wahid (dua dari kanan) meneliti bahan-bahan pameran yang dipamerkan pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU TIKUS –** Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang yang pertama di dalam negara adalah memperlihatkan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negeri ini secara keseluruhan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, ia adalah termasuk mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan, mengurangkan kadar kemalangan motosikal, mengurangkan kadar kematian pejalan kaki dan mengurangkan jumlah kecederaan parah akibat kemalangan.

"Mengambil kira tahun sasaran bermula 2012, Kerajaan Negeri mensasarkan pengurangan sebanyak 10 peratus kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya.

"Ini bermakna, pada tahun 2020, bermula tahun ini (2015), kadar pengurangan kadar kematian adalah dijangka mencapai 200 kematian berbanding tahun 2012 iaitu 400 kematian," katanya pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Abu Jamal Nordin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid.

Kajian yang dijalankan Kerajaan Negeri adalah membabitkan portfolio Kon Yeow dan Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng, badan akademik, Universiti Sains Malaysia (USM), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta agensi-agensi keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih lagi berjalan.

Menurut Guan Eng, pelan berkaitan menggariskan empat komponen utama dalam mencapai objektif berkenaan.

"Empat komponen tersebut ialah kebolehdapatan data dan maklumat yang membantu, perubahan sikap semua pihak berkepentingan, jalan yang memaafkan (jalan yang selamat) dan peningkatan keselamatan penunggang motosikal.

"Perubahan sikap semua pihak berkepentingan merupakan faktor paling sukar untuk ditangani yang mana kajian di seluruh dunia mendapati bahawa sebanyak 70 peratus punca kemalangan adalah berpunca daripada pemandu sendiri," ujar beliau.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyifatkan pelan kajian tersebut merupakan suatu kejayaan Kerajaan Negeri kerana menjadi negeri pertama di Malaysia yang mempunyai pelan strategik ke arah mengurangkan kadar kemalangan selain hubungan erat secara berterusan dengan agensi-agensi keselamatan dalam negeri.

"Kerajaan Negeri pada masa kini juga melaksanakan audit jalan terutama di lokasi kemalangan maut dan tempat-tempat yang bermasalah.

"Malah, pelan kajian yang digembeling Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bersama-sama pelbagai agensi kerajaan adalah sebahagian daripada Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang demi mencapai kesejahteraan dan keselamatan di jalan raya negeri ini.

"Melalui pelan strategik ini juga, beberapa bengkel diadakan dengan menemukan pihak berkepentingan serta berkepakaran dalam mencapai matlamat ditetapkan," jelas beliau.



**SEORANG anggota penguatkuasa trafik MBPP menunggang motosikal rondaan khas ke dalam dewan sebagai gimik pelancaran majlis.**




Oleh : **Azmi Husin**

# Ops Pengemis elak penyakit berjangkit - Exco



PHEE Boon Poh (duduk, dua dari kanan) berinteraksi dengan beberapa individu yang ditemui pada Ops Pengemis dan Kutu Rayau yang dijalankan di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**GEORGE TOWN** – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang menyelamatkan 48 gelandangan termasuk tiga warga asing dalam Ops Pengemis dan Kutu Rayau yang dijalankan di sekitar sini baru-baru ini.

Pengarah JKM Negeri, Said Sidup berkata, lelaki warga asing berusia antara 20-an dan 30-an masing-masing dari Nigeria, Myanmar dan India berkaitan didapati tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

"Mereka kemudian diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan lanjut," ujarnya kepada pihak media di sini baru-baru ini.

Operasi tiga jam yang berakhir pada jam 1.30 pagi itu turut melibatkan 100 anggota agensi-agensi lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Turut serta, Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Said menambah, gelandangan terdiri daripada 42 lelaki dan enam wanita berusia antara 16 hingga 65 tahun yang turut diselamatkan menjadikan lokasi tumpuan pelancong seperti Jalan Penang, Jalan Masjid Kapitan Keling, Padang Kota Lama dan sekitar kawasan Weld Quay sebagai 'tempat tinggal' mereka.

"Tiga daripada mereka disahkan menghidap HIV, manakala dua didapati kurang siuman," ujar beliau yang memaklumkan bahawa sebanyak 55 operasi sama dijalankan pihaknya dalam tempoh Januari hingga kini (termasuk yang terbaru).

Tambah beliau, operasi berkaitan bakal diperhebat menjelang bulan Ramadan bagi mengelak golongan berkaitan 'mengambil kesempatan' di lokasi-lokasi seperti sekitar masjid.

Dalam pada itu, Boon Poh menyatakan bahawa operasi yang dijalankan adalah bukan sesuatu yang 'kejam', sebaliknya ia sebagai langkah menyelamatkan golongan tersebut daripada gejala tidak sihat.

"Inisiatif ini secara tidak langsung sebagai langkah mengelakkan penyebaran penyakit berjangkit di sini," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan kepada kesemua agensi yang terlibat.

# Kesedaran bayar zakat melalui peranan media dihargai



MOHD. Salleh Man (kiri sekali) diiringi Mohammad Noor Che Man @ Harun (dua dari kiri) menyerahkan cenderamata kepada wakil akhbar Buletin Mutiara pada Majlis Hi-Tea Bersama Media di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Liputan media massa sama ada positif atau kontroversi mengenai pengurusan zakat di negeri ini sebenarnya memupuk kesedaran umat Islam serta badan-badan korporat untuk melaksanakan kewajipan ibadah tersebut melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, pihaknya berharap tautan harmoni antara institusi-insitusi Islam dengan semua kaum media dapat diteruskan demi kepentingan bersama.

"Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan ZPP sehingga dikenali sebagai agensi yang menyalurkan bantuan yang penting di Pulau Pinang turut didorong dan disokong oleh rakan-rakan media

"Saban tahun, kutipan zakat berjaya ditingkatkan… (maka) peranan media mengetengahkan kisah-kisah golongan asnaf ini sekaligus membuktikan kesatuan antara kita (MANIPP-ZPP) dengan para media dalam memberi kesedaran kepada umat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada Majlis Hi-Tea Bersama Media di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Halim Hussain serta beberapa Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Dato' Mustafa Kamal Yusoff, Mohammad Noor Che Man @ Harun, Rahmah Md. Isa dan Dato' Salim @ Saleem Manshoor.

Pada majlis sama, Mohd. Salleh mewakili ZPP turut menerima sumbangan sejumlah zakat korporat daripada wakil Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB).

# TNB P. Pinang bayar RM1.2 juta zakat




DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) dan Ir. Abdul Aziz Abdul Majid (empat dari kiri) sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan replika cek sumbangan zakat TNB Cawangan Pulau Pinang kepada PUZ di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) cawangan Pulau Pinang yakin peningkatan bayaran zakat yang dicatatkan Pusat Urus Zakat (PUZ) negeri setiap tahun menunjukkan prestasi baik badan berkaitan.

Perkara tersebut dinyatakan Pengurus Kanan TNB Wilayah Utara, Ir. Abdul Aziz Abdul Majid sejurus menyempurnakan pembayaran zakat perniagaan TNB Pulau Pinang melalui Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas kepada PUZ di sini baru-baru ini.

"Pada tahun ini, kita (TNB Pulau Pinang) membuat pembayaran berjumlah RM 1,194, 409.21 bagi zakat perniagaan TNB (cawangan Pulau Pinang) tahun 2014.

"Berbanding tahun lalu (2013), TNB (cawangan) Pulau Pinang mengeluarkan zakat dalam lingkungan RM700,000 lebih sahaja," ujarnya pada sidang media selepas selesai Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat TNB Cawangan Pulau Pinang Kepada PUZ di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man dan Pengurus Besar TNB Pulau Pinang Bahagian Pembahagian, Ir. Mohamed Ghous Ahmad.

# Altera sumbang RM1 juta untuk Tech-Dome P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MARK JAMES**




**KETUA Menteri menyaksikan penyerahan cek replika RM1 juta daripada William Y. Hatta (tiga dari kiri) serta para pemimpin Altera lain, untuk tujuan pembangunan infrastruktur Tech-Dome Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Rancangan Kerajaan Negeri membina Tech-Dome Pulau Pinang bernilai RM25 juta yang dijangka siap pada tahun depan turut menerima sumbangan korporat sebanyak RM1 juta daripada Altera Corp. Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap langkah Altera itu sebagai sumbangan jangka panjang untuk membina inspirasi generasi masa depan di negeri ini.

"Terima kasih untuk Altera kerana membantu melengkapkan misi *Penang Tech-Dome*, di mana ini adalah projek membina inspirasi generasi masa depan untuk kecemerlangan sains dan teknologi," ujarnya pada majlis penyampaian sumbangan berkaitan di sini baru-baru.



**LAKARAN grafik rupa bentuk Tech-Dome Pulau Pinang.**

Naib Presiden Kanan Operasi & Kejuruteraan Sedunia Altera, William Y. Hatta, Datuk Dr. Mohd. Sofi Osman (Naib Presiden Wilayah APAC Operasi & Kejuruteraan Sedunia), S.K. Fong (Naib Presiden R7D), Mario Bolanos (Pengarah Perkhidmatan Teknikal Pulau Pinang) dan beberapa lagi wakil Altera turut menyertai majlis tersebut.

William Y. Hatta dalam kenyataannya memberitahu, Altera berada di Pulau Pinang sejak lebih 20 tahun dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memenuhi keperluan pasaran dunia.

"Dan, kini kami mempunyai pasukan yang kuat (terdiri) lebih 1,000 jurutera.

"(Justeru), kami amat berbesar hati untuk memberi sumbangan kembali kepada rakyat (Pulau Pinang)," jelas beliau.

Terdahulu, Globetronics Technology Bhd. dan Inary Technology Sdn. Bhd. masing-masing turut memberi sumbangan korporat berjumlah RM100,000 untuk pembinaan Tech-Dome Pulau Pinang.

Peneraju projek, Penang Tech Centre Berhad (PTCB) diberi tanggungjawab untuk membangunkan Tech- Dome Pulau Pinang di Geodesic Dome, Komtar sebagai sebuah pusat sains yang dapat memenuhi pembentukan modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

Tech-Dome Penang terbahagi kepada beberapa segmen pameran dan gerak kerja termasuk segmen robotik, segmen spektrum, cahaya serta Taman Silikon.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, *www.techdomepenang.org*.

# Kursus bimbingan tumpu lahir usahawan berdaya saing

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DANNY OOI ENG KEAT**

**BAYAN BARU –** Pengusaha kantin, Mohamad Asyraf Imanuddin, 35, berbesar hati kerana terpilih menyertai Kursus Pra Bimbingan Perniagaan *(Business Coaching)* di bawah program Usahawan Bimbingan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Katanya, setelah dua tahun menceburkan diri dalam bidang perusahaan makanan selepas menamatkan khidmat sebagai juruteknik di sebuah kilang nyata memberikan suatu cabaran.

"Tahun pertama juga saya memohon pinjaman PTSR (Program Titian Saksama Rakyat – pinjaman mikro kredit) untuk menambah pusingan modal serta membeli peralatan, kini, alhamdulilah, pinjaman ini sedikit sebanyak dapat membantu saya

"Malah, pada masa sama, ia turut membantu mengembangkan potensi perniagaan saya memandangkan saya masih 'muda' dalam bidang ini," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada penganjuran kursus berkaitan di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian penganjuran program berkaitan dirasmikan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Keusahawanan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Kursus berkaitan dikendalikan, Dr. Abdul Malik Abdul Shukor.

Dalam pada itu, menurut Siew Khim, proses melahirkan seseorang usahawan bukan suatu proses yang mudah.

"Cabaran ini menjadi hebat dengan keadaan ekonomi global yang tidak stabil pada ketika ini.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja menumpukan kepada inisiatif melahirkan usahawan semata-mata, malah juga memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk membentuk usahawan berdaya saing dalam projek ekonomi yang berpotensi," ujarnya.

Tambah Siew Khim, selaras itu, para usahawan perlu dilengkapkan bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan, tetapi juga dari segi kekuatan mental dan kerohanian bagi mengharungi cabaran serta persaingan dunia keusahawanan yang semakin kompetitif.



**LIM Siew Khim (duduk, tengah) bergambar kenangan dengan para usahawan yang mengikuti Kursus Pra Bimbingan Perniagaan di sini baru-baru ini.**

Seramai 2,055 pemohon berjaya mendapatkan pinjaman tanpa faedah PTSR pada tempoh tahun 2009 (ketika ia mula diperkenalkan) hingga April 2015.

Berdasarkan jumlah itu, sebanyak 83.9 peratus adalah pemohon Melayu, 8 peratus (Cina) dan 8.1 peratus (India).



## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
## SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Palmex Industries Sdn. Bhd.**<br>302-H-1 Jalan Dato Ismail Hashim<br>11900 Sungai Ara<br>Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-6469022/9023<br>No. Fax : 04-6448623 | Di Atas Lot 70814 – 70684,<br>(Lot No. Lama 11212, 11227 & 12282)<br>Mukim 12,<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | Cypress Villa | Rumah Berkembar<br><br>Rumah Sesebuah<br>3 Tingkat | RM3,288,800.00 -<br>RM3,605,800.00<br><br>RM2,015,800.00 -<br>RM2,477,800.00 | RM3,124,360.00 -<br>RM3,425,510.00<br><br>RM1,915,010.00 -<br>RM2,353,910.00 | 13<br><br>2 | Carol Tan |
| 2. | **HHC Jaya Development Sdn. Bhd.**<br>70-3-11, D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri<br>11900 Bayan Baru<br>Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-6458288<br>No. Fax : 04-6459288 | Di atas Lot 640, Mukim 6<br>Solok Sri Genting 1, Balik Pulau<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | Harmoni Genting | Rumah Teres<br>2 Tingkat<br>Rumah Berkembar<br>2 Tingkat (Jenis A)<br>Rumah Berkembar<br>2 Tingkat (Jenis B) | RM721,000.00 -<br>RM741,000.00<br>RM908,000.00<br>RM887,000.00 | RM684,950.00 -<br>RM703,950.00<br>RM862,600.00<br>RM842,650.00 | 5<br>1<br>1 | Sharon Lim |
| 3. | **Amity Excel Sdn. Bhd.**<br>No. 23 Jalan D.S. Ramanathan<br>10350 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-2283116<br>No. Fax : 04-2282116 | Di Atas Lot 49, 3829, 3901-3904 dan<br>Sebahagian Lot 3755, Mukim 4<br>Seberang Perai Selatan<br>Pulau Pinang | Taman Bakap<br>Indah<br>(Fasa 4F) | Rumah Berkembar<br>2 Tingkat | RM519,706.00 -<br>RM559,781.00 | RM493,720.70 -<br>RM531,791.95 | 3 | Kelly Chin Kar Lai |
| 4. | **HIG Livingston Sdn. Bhd.**<br>9A, Livingston House, Jalan Logan<br>10400 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-2282163<br>No. Fax : 04-2287163 | Di Atas Lot 531, Mukim 12,<br>Jalan Mahsuri<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | Olive Tree<br>Residences | Kondominium<br>23 Tingkat | RM761,000.00 -<br>RM2,798,000.00 | RM722,950.00 -<br>RM2,658,100.00 | 23 | Cheong Wai Meng |
| 5. | **Gema Intan Sdn. Bhd.**<br>No. 8 Ground Floor, Lorong Abu Siti<br>10400 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-2289999<br>No. Fax : 04-2289998 | Di Atas Lot 587, Seksyen 1,<br>Bandar Jelutong, Jalan Perak<br>Daerah Timur Laut<br>Pulau Pinang | Sky Avenue | Kedai / Pejabat | RM2,850,000.00 | RM2,707,500.00 | 2 | - |

# Islam dan kemajmukan masyarakat dalam pemikiran Tok Guru Nik Aziz

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**ISLAM** mengakui kemajmukan dalam pelbagai ruang kehidupan manusia, baik dalam aspek politik, budaya, sosial malah kemajmukan dalam agama itu sendiri. Namun begitu, kemajmukan agama itu tidak bererti kita mengakui semua agama adalah sama. Ia sebenarnya membawa maksud bahawa sungguhpun Islam diyakini benar oleh para penganutnya, agama lain turut dihormati dan diberi ruang untuk wujud secara bersama. Malah, kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing ini adalah sesuatu yang dituntut oleh agama Islam.

Dalam kitab suci al-Quran sendiri, banyak ayat yang secara langsung atau tidak langsung membicarakan persoalan kemajmukan manusia. Umpamanya, surah Yunus ayat ke-99 menegaskan:

*"Dan jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang di muka bumi. Maka apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya?"*

Ayat ini secara jelas mempertegaskan bahawa seandainya Allah hendak menjadikan manusia secara sejagatnya Muslim, Dia pasti dapat melakukannya. Tetapi Allah tidak berkehendakkan sedemikian. Sebaliknya, diciptakan pula manusia berpuak-puak, bersuku-suku untuk saling mengenali antara satu sama lain.

Dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum dan agama di Malaysia, tuntutan untuk menghormati kerencaman budaya adalah sangat penting. Tokoh besar dalam dunia Islam, Sheikh al-Mawdudi, membahagikan masyarakat kepada dua ruang lingkup utama iaitu ruang peribadi dan juga ruang umum. Dalam ruang peribadi, pemahaman agama sebagai urusan peribadi antara manusia dengan Tuhan adalah dititikberatkan. Manakala dalam ruang umum pula terletaknya persoalan agama dan kemasyarakatan, di mana perlu adanya sikap yang objektif dan berkecuali dalam usaha untuk menguruskan kepelbagaian, khususnya dalam soal perbezaan pandangan agama. Kegagalan untuk memahami dengan baik kedua-dua ruang ini akan memangkinkan konflik kerana pihak masing-masing akan merasa paling benar berbanding yang lain dan sudah tentu akan menegakkan cara pandang mereka.

Di negara ini, kita sering dikejutkan dengan pelbagai insiden pertelingkahan antara masyarakat yang berbaur perkauman ataupun agama. Secara lazimnya, isu yang menjadi perselisihan juga penuh emosi dan tidak berasaskan rasional langsung. Ambil sebagai contoh, isu pemasangan salib oleh sebuah gereja di Taman Medan, Selangor, baru-baru ini. Apakah salahnya sebuah gereja meletakkan simbol agama mereka?

Serambi
PENANG
INSTITUTE
making ideas work

Perkara ini bukan sahaja dibenarkan oleh undang-undang, malah dalam agama Islam pun tidak ada halangan. Pergi sahaja ke kota-kota lama Islam seperti Kaherah atau Amman, dan di mana ada gereja maka ada salibnya. Tidak pula orang Arab membantah, namun entah kenapa sekumpulan orang Melayu di Selangor boleh merasai iman mereka akan tercabar sekiranya melihat salib. Adakah ini salah orang Kristian ataupun salah orang yang mengaku Muslim ini?

Banyak lagi isu yang serupa. Umpamanya, penggunaan kalimah Allah dan kitab Bible berbahasa Melayu yang menjadi isu hangat, walaupun secara logiknya kita semua mengetahui bahawa sudah berkurun lamanya masyarakat Kristian di rantau Nusantara menggunakan kalimah dan Bible tersebut. Reaksi oleh kumpulan-kumpulan pembantah ini lagi mengejutkan – ugutan, kekerasan, pelemparan bom atau kepala haiwan di rumah ibadat dan sebagainya, jelas bertentangan dengan ajaran Islam sendiri. Sungguh menyedihkan apabila agama Islam diaibkan oleh orang yang kononnya mengaku memperjuangkan bangsa dan agama.

Dalam menghadapi isu-isu kritikal seperti ini, kita perlu mengambil sikap sederhana, iaitu menghormati kepelbagaian dan perbezaan antara satu sama lain, serta memahami sesuatu isu secara mendalam sebelum bertindak. Sikap-sikap seperti inilah yang dizahirkan oleh seorang pemimpin, tokoh agama serta guru yang bernama Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Guru tidak hanya dikenali sebagai seorang tokoh tempatan, malah kedudukannya juga adalah sebagai seorang tokoh yang bertaraf dunia. Beliau dikenali dengan keperibadiannya yang zuhud. Kesederhanaan yang dibawa dalam kehidupan seharian serta dalam urusan pemerintahannya memang sungguh mengagumkan. Justeru, pemergiannya pada awal tahun ini adalah satu kehilangan besar buat kita semua.

Sesungguhnya, banyak sifat-sifatnya yang boleh kita renung dan pelajari. Namun, kekaguman kita yang paling utama adalah pada sifat kesederhanaan, tolak ansur dan cintakain perdamaian beliau, khususnya ketika berhadapan dengan isu-isu hubungan antara kaum mahupun agama.

Dalam situasi di mana hubungan antara kaum dan agama di negara ini boleh



ZAIRIL Khir Johari (tengah, berbaju putih) bergambar kenangan dengan ahli-ahli jawatankuasa dan para sukarelawan yang menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan kubur bersama-sama JKKK Tanjung Tokong.

dikatakan genting, dengan kewujudan banyak kumpulan atau individu yang mengambil sikap melampau dengan menjadikan kaum dan agama sebagai mainan politik, Tok Guru sering tampil dengan sikap yang jauh berbeza. Misalnya, beliau tidak berkeberatan untuk bertemu dengan paderi Kristian ketika mengunjungi Pulau Pinang pada suatu ketika dahulu. Beliau juga pernah singgah ke rumah mendiang Karpal Singh ketika beliau masih hidup dengan tujuan merapatkan silaturrahim – walaupun ramai yang mahu Tok Guru mengecam Mendiang Karpal atas ketegasannya menolak perlaksanaan hudud. Namun, Tok Guru memilih untuk melihat persamaan mereka yang lebih besar berbanding perbezaan antara mereka – kualiti yang sukar dicari dalam kalangan pemimpin kini.

Tok Guru bukan sahaja bermesra dengan tokoh agama lain dan ahli politik yang bertentangan pendapat, beliau juga memberi layanan yang baik kepada golongan minoriti di Kelantan ketika beliau menjawat sebagai Menteri Besar. Pengikut Buddha, sebagai contoh, sering mendapat kunjungan daripada Tok Guru selain daripada memiliki kebebasan untuk mengamalkan kepercayaan mereka tanpa apa-apa sekatan. Kewujudan kuil serta patung-patung Buddha di tengah-tengah masyarakat yang majoritinya Muslim adalah bukti kepada prinsip Tok Guru ini.

Di daerah Tumpat, Kelantan pula, terdapat sebuah wat yang menempatkan patung Buddha berbaring yang dikatakan kedua terbesar di dunia selepas patung Buddha di Myanmar. Begitu juga dengan sebuah patung Buddha duduk yang terletak di Kampung Bunohan, yang merupakan kedua terbesar di Asia Tenggara. Kewujudan rumah ibadat bukan Islam serta ukiran-ukiran patung besar di Kelantan ini bukanlah sesuatu yang baru. Ia telah berdiri lama dan tersulam sehingga menjadi sebahagian daripada identiti negeri Kelantan.

Sudah pasti, Tok Guru sedar bahawa kehadiran binaan agama lain – biarpun antara yang terbesar di dunia – tidak akan memalingkan akidah umat Islam. Dalam perkara ini, Tok Guru memahami bahawa demokrasi bukan semata-mata soal melayani kehendak majoriti tetapi lebih penting lagi, menjamin hak minoriti.

Dalam kontroversi sekitar kalimah Allah pula, Tok Guru turut menunjukkan sifat rasional dan adil apabila menyatakan pendirian bahawa kalimah itu boleh digunakan oleh penganut Kristian di Malaysia, lantas bertentangan dengan pendirian Majlis Fatwa Kebangsaan. Pendekatan sederhana ini amat dihargai di tengah-tengah masyarakat yang sedang diselubungi sentimen pelampau kaum dan agama.

Justeru, sifat keterbukaan Tok Guru tidak patut disia-siakan. Sebaliknya, kita harus mengiktibarkan istiqamah dan perjuangannya selama ini dengan mengambil sikap kesederhanaan dalam hubungan masyarakat, demi kesejahteraan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, agama dan adat resam. Kita juga harus menganggap kerencaman budaya di negara kita sebagai sesuatu rahmat yang perlu dihayati sebagai anugerah Tuhan dan diraikan sebagai satu kelebihan yang boleh kita banggakan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>klee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963 | - Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 205 1185<br>: 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Frankie Kee<br>- Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |




## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |



15hb Jun - 16hb Julai
***Bazaar Ramadan***


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin melepaskan ikan patin sebagai gimik pelancaran pertandingan memancing AgroFest 2015.



KETUA Menteri sambil mendukung seorang kanak-kanak bergambar kenangan dengan para pelajar cemerlang yang diraikan dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2014.




MASKOT *Save Our Seafood* pada Majlis Perasmian Karnival Hijau Pulau Pinang 2015.



BARISAN penari yang menyerikan Majlis Perasmian Jinko Solar.



EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo (berbaju merah) bergambar kenangan bersama-sama barisan ahli jawatankuasa dan para pemenang pertandingan mewarna sempena penganjuran program gotong-royong Kampung Kebun Lama, Jalan Langkawi, Datuk Keramat.





ISTERI Tuan Yang Terutama Negeri, Toh Puan Majimor Shariff (depan, dua dari kiri) ditemani isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng (depan, kiri sekali) menaiki kereta buggy untuk dibawa melawat ke kawasan sekitar pada Majlis Pelancaran Pesta Bunga Pulau Pinang 2015.



DR. Afif Bahardin (kanan) sambil ditemani wakil Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan jentik-jentik di salah sebuah tapak pembinaan.






SEORANG pegawai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bergambar kenangan dengan maskot program Kempen Kesihatan PDC.

# PWDC menerajui platform-platform baru bagi kesaksamaan gender



(Dari kiri); BARISAN PANELIS Janarthani, Arumugam (presiden NGO EMPOWER), YB Steven Sim (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Krista Goon (usahawan dan pengasas bersama WomenBizSense), moderator Prof. Dato' Dr. Rashidah Shuib (pensyarah USM-KANITA), Datin Rohana Weiler (bekas Naib Presiden Sumber Manusia Agilent), Yeong Pey Jung dan Dr. Wong Chin-Huat (kedua-dua penyelidik *Penang Institute).*

Oleh : **SHARON WH LING PEGAWAI DASAR GENDER & ADVOKASI PWDC**

**RETAINING WOMEN IN THE WORKFORCE**

Forum 'Retaining Women in the Workforce: Closing Gaps & Breaking Barriers' telah dianjurkan oleh PWDC dan Penang Institute di Royale Bintang Hotel, George Town pada Jumaat, 22 Mei 2015. Forum ini diadakan sempena Hari Pekerja dan bertumpukan isu penyertaan wanita dalam tenaga kerja serta cabaran-cabaran yang mereka hadapi. Pembentangan asal dibuat oleh pasukan penyelidik Penang Institute dan kemudian dibincangkan oleh barisan panelis dari pelbagai latar belakang.



HADIRIN terdiri daripada golongan swasta, kerajaan dan awam.

Barisan panelis (dari kiri ke kanan): Janarthani Arumugam (presiden NGO EMPOWER), YB Steven Sim (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Krista Goon (usahawan dan pengasas bersama WomenBizSense), moderator Prof. Dato' Dr. Rashidah Shuib (pensyarah USM-KANITA), Datin Rohana Weiler (bekas Naib Presiden Sumber Manusia Agilent), Yeong Pey Jung dan Dr. Wong Chin-Huat (kedua-dua penyelidik Penang Institute).

Hadirin panel daripada golongan swasta, kerajaan dan awam.

## TEDx WeldQuayWomen 2015



TEDxWeldQuayWomen 2015 bukan sahaja mewujudkan satu platform baru bagi wanita untuk berkongsi ilham mereka mengikut semangat 'ideas worth spreading' (ilmu harus disebar) TEDx, tetapi juga membina sebuah platform baru agar rakyat negeri Pulau Pinang dapat menerima ilham daripada para wanita yang sedang berusaha mencapai kejayaan baru.




PEMBENTANG TEDxWeldQuayWomen 2015 (dari kiri): Kim Khaira, Syerleena Rashid, Wanis Suwini, Regina Ibrahim, Josephine Yoong, Boonsiri Somchit, Peggy Tan dan Dr Hartini Zainudin dengan pengarah PWDC Datin Rohana Weiler (paling kiri), YB Chong Eng (tengah) dan Dato' Dr Marina David (paling kanan).

Gambar: **GOH CHOON EAN**

"Setelah keputusan dibuat untuk mengusahakan produk keropok, saya dan 10 ahli lain ke Cendering, Terengganu untuk memahiri teknik-teknik asas pembuatan.

"Kami berada di sana selama satu minggu. Selepas balik, kami buat adunan sendiri sebab citarasa orang *Penang* dengan Terengganu adalah tidak sama.

"Selain itu, kami juga memohon bantuan mesin pengadun dan *freezer* yang diberikan atas kepercayaan daripada pihak-pihak berkaitan sebagai 'modal' untuk mula,'' jelasnya yang kini telah 12 tahun menjawat jawatan berkaitan.



KEROPOK lekor yang telah siap digoreng dan sedia dihidangkan.

Bukan senang nak buat, luah Kak Aishah kepada Buletin Mutiara sambil menyajikan keropok-keropok lekor yang telah siap digoreng untuk santapan pagi kami.

"Kandungan air, ais dalam isi ikan, garam, adunan tidak sebati, ikan baru antara faktor penyebab keropok menjadi terlalu lembik, putus-putus apabila dimasak dan macam-macam lagi.

"Untuk betul-betul jadi dan betul-betul mahiri teknik pembuatan, Kak Aishah telah menggunakan tempoh lebih kurang satu tahun,'' katanya.

Mengulas lanjut, bagi Kak Aishah, teknik menguli keropok lekor adalah paling sukar dimahiri beliau.

"Tidak semua orang boleh uli termasuk sesetengah kakitangan di sini,'' jawabnya sambil mencabar penulis untuk mencuba.

Setiap hari kecuali hari Rabu (sekiranya tiada tempahan), rutin Kak Aishah dan pekerjanya bermula seawal 6.30 pagi bagi memproses 16 kilogram (kg) ikan untuk diadun bersama-sama 14kg tepung. Jumlah adunan tersebut merupakan yang paling minimum sekiranya tiada tempahan tambahan pada hari berkaitan.

Melalui bahan-bahan asas seperti ikan, tepung, garam dan telur, produk yang dihasilkan adalah seperti keropok lekor, keropok kering dan keropok sosej yang dijual pada setiap hari (kecuali Rabu) bermula jam 3 hingga 7 petang di Kuala Pulau Betong. Turut dipasarkan adalah pelbagai jenis-jenis kuih tradisional.

Dikurniakan enam cahaya mata, Kak Aishah memberitahu bahawa tiada seorang pun daripada anaknya berminat menceburi bidang berkaitan.

Malah, 'profesion' tersebut juga tidak mampu menarik 107 ahli-ahli Kunita kini, terutamanya golongan muda.

"Orang muda sekarang lebih suka duduk di pejabat. Sini (kilang pemprosesan keropok) panas serta tidak selesa.

"Kami tidak tahu nak turun (resepi) pada siapa. Setiap kali mesyuarat, kami ada nyatakan bahawa ada program latihan untuk golongan pelapis, malah, sepanjang tempoh belajar, kami juga ada tawarkan jumlah gaji yang sama macam pekerja di sini.

"Walaupun ada pasaran, namun, ia masih gagal untuk tarik minat golongan-golongan berkaitan,'' ujar Kak Aishah sayu.

Tidak dinafikan, situasi tersebut menyebabkan beliau yang pernah menerima tempahan (terbanyak ) sebanyak 100kg sehari sedih dan tidak dapat meramalkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan memandangkan umur kakitangan-kakitangan di sini yang telah agak lanjut.

"Nak tutup memang sayang. Sedih, tapi, kami sudah cuba pelbagai cara,'' tambahnya yang berasal dari Ipoh, Perak.

Berbicara mengenai perancangan masa depan perusahaan yang telah menjadi darah dagingnya, tidak dinafikan bahawa Kak Aishah ingin memperkembangkan pemasaran produk selain mengenalpasti golongan pelapis yang berminat.

"Harap ada orang pasarkan ke luar. Keropok kami lain iaitu kandungan ikan adalah banyak dan tepung sikit. Ia juga dibuat secara segar setiap hari.

"Selain itu, memang Kak Aishah harapkan sangat ada pelapis yang akan ambil alih,'' jawab beliau ringkas tetapi penuh dengan harapan tersirat.



KEROPOK kering dijemur sebelum dibungkus untuk dipasarkan.

**INFO :**
**Kunita Sri Betong**
**Kuala Pulau Betong,**
**11020 Balik Pulau.**
**012 - 477 4625 (Kak Aishah) ;**
**019 - 444 3107 (Kak Ani)**
**FB : Kunita Sri Betong**

# Keluar duit saku sendiri ke antarabangsa demi tinju

**BELIAU** mempunyai peranan yang penting dalam hampir semua kejohanan tinju peringkat antarabangsa untuk kategori terbuka, wanita mahupun belia yang dianjurkan oleh Persatuan Tinju Amatur Antarabangsa (AIBA).

Beliau merupakan satu-satunya anak Malaysia yang diiktiraf sebagai Pegawai Teknikal Antarabangsa (ITO), oleh AIBA sendiri.

Maka, tidak hairanlah Mejar (B) Wan Abdul Hamid Wan Mahmood, 63, tersenarai sebagai salah seorang daripada 11 penerima Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2014 baru-baru ini.

Anak kelahiran Sarawak, tetapi bermastautin di Pulau Pinang lebih 20 tahun.

Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri yang menyerahkan Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan 2015 kepada Wan Abdul Hamid.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** berpeluang mengadakan wawancara dengan Wan Abdul Hamid, sungguhpun tokoh tersebut mengaku dihambat dengan tanggungjawab membuat persiapan pada suatu kejohanan tinju antarabangsa di Uzbekistan.

"Berasa sangat bangga kerana pencapaian kita dihargai.

"Biasanya, apabila ada kejohanan tinju peringkat antarabangsa, iaitu di luar rantau Asia Tenggara, saya akan dipanggil, seperti di Uzbekistan tidak lama lagi.

"Bagaimanapun, Sukan SEA 2015 di Singapura ini, saya tak boleh masuk (bertugas sebagai ITO) kerana tak boleh menggunakan pegawai-pegawai daripada kontinjen yang sama (Malaysia)," jelas Wan Abdul Hamid.



MEJAR (B) Wan Abdul Hamid Wan Mahmood.

### Gigih Maju Diri

Wan Abdul Hamid bertinju di gelanggang pada tahun 1975 hingga 1980, semasa masih dalam jawatan di Angkatan Tentera Malaysia (TM) dan Kor Renjer Diraja.

Tidak lama selepas itu, beliau mula meningkatkan profesionalisme diri dalam posisi pengadil secara berperingkat.

"Dalam tentera, saya bertugas sebagai pegawai latihan jasmani, maka, saya mempunyai masa lapang yang banyak untuk fokus pada sukan tinju ini.

"Selepas itu, saya menceburi bidang pengadilan, sebagai hakim bermula pada peringkat kebangsaan seterusnya meningkat ke peringkat Asia.

"Selepas peringkat Asia, barulah saya ke peringkat antarabangsa, iaitu AIBA (AIBA)," katanya.

### Buru Bakat Baru

Rekod profesionalisme Wan Abdul Hamid melayakkannya dipilih menjadi Naib Presiden bagi Persekutuan Tinju Amatur Malaysia dan serta Presiden Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang.

"Sebagai pemimpin, saya senantiasa turun padang dan lihat perkembangan bakat baru untuk kita gilap secara fokus, bekerjasama dengan jurulatih negeri, Johnny Kasiran.

"Sebelum dipilih sebagai Presiden Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang pada tahun 2000, kita menganjurkan Kejohanan Tinju Malaysia di negeri ini buat kali pertama.

"Walaupun baru, pasukan kita (Pulau Pinang) sebagai tuan rumah berjaya mendapatkan dua (medal) emas semasa itu...dari situ saya mula fokus," ujar beliau.

Sejak itu, tambahnya, bakat baru senantiasa muncul dalam Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang, hatta menjadi salah satu pasukan penyumbang emas kepada Kontinjen Sukan Negeri.

"Sejak umur 14 tahun lagi, kita sudah boleh melihat bakat mereka ini, seperti Mikael Abdul Rahim yang kini sudah ada nama di peringkat kebangsaan.

"Ada beberapa gelanggang, antaranya di *Indian Star Boxing Club* dekat Relau, dan setiap kali kejohanan kita akan hantar bakat baru ini.

"Setiap kali temasya Sukan Malaysia (SUKMA), pasukan tinju Pulau Pinang tak pernah gagal menyumbang emas, dan rekod terbaik kita antaranya pada tahun 2010 di mana kita memenangi empat pingat emas dan satu perak.

"Kita tak ketandusan juara emas," katanya sambil merakamkan penghargaan atas komitmen Johnny Kasiran dan beberapa lagi 'orang lama' dalam sukan tinju di negeri ini.

Tambah beliau, Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang tidak mungkin boleh pergi jauh ini tanpa sokongan yang tidak berbelah-bahagi daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), di bawah kepemimpinan pengerusinya, Datuk Frederick Tan Teck An.

Sumbangan perseorangan pun banyak, katanya, selepas pasukan tinju Pulau Pinang menyumbang emas kepada kontinjen negeri.



KETIKA sesi wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara.

### Bawa Bakat Ke Antarabangsa

Walaupun Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang sudah mempunyai rekod pencapaian tersendiri, Wan Abdul Hamid memberitahu masih banyak perancangan perlu dilakukan untuk membawa bakat baru negeri ke peringkat antarabangsa.

Justeru, beliau senantiasa mencari tajaan dan sokongan banyak pihak supaya bakat baru ini boleh berdiri di gelanggang antarabangsa.

"Memang status peninju kita masih 'jauh' jika dibandingkan dengan peninju dunia dari Kazakhtan dan Monggolia, tetapi, jika berjaya memasuki suku akhir, itu sudah pencapaian yang baik.

"Sebagai Naib Presiden Persekutuan Tinju Malaysia, saya memang ada bincang perkara ini, mungkin kita perlu mengubah cara pemilihan untuk menyertai skuad kebangsaan, jika mahu peninju negara ke peringkat antarabangsa," ujarnya.

Atas profesionalisme Wan Abdul Hamid, beberapa peninju negeri pernah di bawah ke *AIBA Women's World Boxing Championships 2012* dan *AIBA Junior/Youth World Boxing* di Taipei.

"Pulau Pinang pernah hantar tiga hingga empat peninju ke temasya antarabangsa.

"Kalau kita rasa peninju kita layak untuk menyertai kejohanan itu, maka kita boleh hantar supaya peninju kita boleh menimba pengalaman di peringkat antarabangsa," katanya sambil optimis dengan masa depan sukan tinju negara.

### Pahit Manis

Wan Abdul Hamid mengaku menguruskan persatuan tinju mempunyai cabaran tersendiri dan sangat berbeza dengan pahit manis pengalaman di gelanggang.

"Satu-satu penganjuran, nak tarik penyertaan ada pahit manisnya.

"Kedua, halangan daripada keluarga atlet sendiri (kerana) tak ramai ahli keluarga sanggup melihat anak-anak mereka 'dibelasah' di gelanggang.

"Cabaran ketiga, tentulah dana. MSNPP memang ada memberi sokongan dana, tetapi kalau tidak cukup kita mesti sanggup keluarkan duit saku kita sendiri," katanya sambil berseloroh.

Dalam pada itu, beliau turut menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa peninju amatur berisiko mengidapi sakit *parkinson*, seperti lagenda peninju profesional, Muhammad Ali.

"Kita amatur dan bukan profesional yang memang tak pakai sarung kepala, tetapi kita (amatur) pakai sarung kepala.

"Seperkara lagi, yang menjaga keselamatan peninju di gelanggang ini adalah pengadil, di mana mereka diberi kuasa untuk memberhentikan perlawanan di gelanggang demi menjaga keselamatan peninju," jelas beliau, sambil menolak sukan berusur ganas seperti tomoi siam dan sebagainya.

### Harapan

Wan Abdul Abdul Hamid turut berharap lebih ramai lagi warganegara mempu meningkatkan profesionalisme sendiri dengan mengambil ujian berwajib di peringkat antarabangsa, daripada AIBA.

"Saya sendiri boleh sampai ke tahap ini kerana pengorbanan diri.

"Saya memang nak hantar beberapa lagi pegawai-pegawai kita untuk mengambil ujian peringkat antarabangsa di AIBA sendiri, tetapi mereka tidak sanggup untuk mengeluarkan duit saku sendiri, ikat perut untuk semua ini.

"Saya harap Kerajaan Negeri terus memberi sokongan kerana Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mampu menganjurkan Kejohanan Tinju Antarabangsa tiap-tiap tahun, serentak dengan berlangsungnya Pesta Pulau Pinang mulai 24 hingga 30 Disember...macam pelancongan sukan.

"Semua keyakinan Kerajaan Negeri, sokongan MSNPP dan tajaan perseorangan kepada Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang ini tidak datang bergolek, tetapi, kita masing-masing kena berusaha walaupun terpaksa mengeluarkan duit saku kita sendiri dahulu," akhiri beliau.

# Flotila P. Pinang paling popular, pertahan kejuaraan




RUPA bentuk flotila negeri Pulau Pinang.

Gambar : **FB MBPP**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya mengekalkan gelaran juara buat dua tahun berturut-turut bagi Anugerah Bot (Flotila) Paling Popular sempena penganjuran *Magic Of The Night 2015* di Putrajaya baru-baru ini.

Pengarah Korporat MBPP, Mohamed Akbar Mustapha ketika dihubungi mengucapkan syabas dan tahniah kepada para penyokong yang 'mengundi' sehingga melayakkan flotila berkaitan memenangi pertandingan berkaitan.

"Pemenang dipilih berdasarkan jumlah *'like'* terbanyak di laman FB.

"Terdapat 14 flotila yang dipertandingkan secara keseluruhan dan saingan adalah amat sengit," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir menerima pengiktirafan tersebut adalah Exco Pembangunan Pelancongan, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Mohamed Akbar.

Menurut Mohamed Akbar, flotila Pulau Pinang adalah bertemakan *Colours of Harmony*.

"Kami amat bersyukur dan berterima kasih dengan sokongan yang telah diberikan," ujar beliau.

Pertandingan bot berhias yang diadakan pada 28 hingga 31 Mei lalu adalah bertujuan mengetengahkan ikon, produk pelancongan dan kebudayaan dengan mengggabungkan gemerlapan lampu, warna serta seni reka bentuk popular negeri-negeri di Malaysia.

Penganjuran tersebut umumnya menarik perhatian pengunjung dari dalam dan luar negara khususnya untuk berkunjung ke Putrajaya bagi menyaksikan perarakan sejauh tiga kilometer bot-bot berhias atau lebih dikenali sebagai flotila.



LAW Heng Kiang (dua dari kiri) dan Patahiyah Ismail (dua dari kanan) sambil ditemani Mohamed Akbar Mustapha (kiri sekali) menunjukkan trofi dan sijil penghargaan Anugerah Bot Paling Popular sempena penganjuran *Magic Of The Night 2015* di Putrajaya baru-baru ini.

## Buang sampah merata-rata, saman RM250

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PADANG KOTA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerusi Bahagian Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran menubuhkan Skuad Anti Pembuangan Sampah (*Anti Litter Squad*) bagi membendung tabiat membuang sampah dalam kalangan masyarakat di sini.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, skuad tersebut bakal beroperasi secara aktif di kawasan-kawasan panas tumpuan orang ramai dan pelancongan.

"Ia akan beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan dan individu yang didapati membuang sampah di merata-rata akan dikenakan kompaun sebanyak RM250.

"Ia adalah termasuk sampah biasa seperti tisu dan puntung rokok," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus.

Sebagai tambahan, Ah Teong memberitahu, penguatkuasaan berkaitan bakal menggunakan pendekatan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) mudah alih.

"CCTV ini akan dipasang di van-van MBPP, apabila kelakuan seseorang pesalah dirakam, pada kadar segera, pegawai penguatkuasa berdekatan akan ke lokasi kejadian untuk mengeluarkan saman," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mubarak memberitahu, inisiatif tersebut adalah bagi mendidik mentaliti masyarakat mengenai tabiat tidak membuang sampah di merata-rata.

"Serentak itu, kita (MBPP) juga akan memantau peniaga-peniaga yang bertindak membuang air limbah dan sampah ke dalam saliran longkang yang bakal mengakibatkan banjir kilat serta longkang tersumbat umumnya,' tegasnya.

Sebarang aduan boleh menghubungi ***hotline*** MBPP di talian, **04 – 263 7637/04 – 263 7000** atau khidmat pesanan ringkas (SMS), **019 - 666 7777.**



PEGAWAI Penguatkuasa MBPP menunjukkan contoh saman yang bakal dikeluarkan terhadap individu yang didapati membuang sampah di merata-rata.



CONTOH sampah yang dibuang di lokasi larangan di sini.

## Bil TNB tidak lagi diproses di kaunter MBPP



PATAHIYAH Ismail (depan), ketika mempengerusikan Majlis Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 05 Tahun 2015 di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Mulai 1 Jun 2015, bayaran bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak lagi diproses di kaunter bayaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail ketika mempengerusikan Majlis Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 05 Tahun 2015 di sini baru-baru ini berkata, keputusan tersebut adalah ekoran beberapa terma dan syarat yang gagal dipersetujui kedua-dua pihak seperti bayaran tambahan dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Patahiyah juga berharap mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan MBPP supaya bersemuka sendiri dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan sebuah syarikat parkir yang menggunakan saluran media sabagai medium meluahkan ketidakpuasan terhadap MBPP baru-baru ini.

"Apabila mereka sudah menandatangani sesuatu perjanjian, ini bermakna mereka bersetuju, dan bukannya menggunakan media sebagai meluahkan ketidakpuasan hati," ujar beliau.

# MPSP lancar operasi arak ‘haram’, keluar 31 kompaun

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Sebanyak 31 kompaun dikeluarkan dalam satu operasi bersepadu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini ke atas 19 premis menjual arak di sekitar daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS) di sini.

Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel memberitahu, operasi bersepadu seumpama itu akan terus dilakukan secara berkala, sehinggalah kesemua pemegang lesen arak dan lesen premis menjual arak mematuhi syarat yang digariskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

“Kami (MPSP) telah memberi amaran kepada semua peruncit yang ada lesen arak runcit supaya mematuhi semua syarat lesen arak dan lesen premis.

“Mungkin MPSP merupakan satu-satunya PBT di Malaysia yang mengambil tindakan terhadap semua kesalahan di bawah syarat Akta Eksais, 1976 ini,” jelas beliau kepada wartawan, pada sidang media bersama-sama seorang lagi Ahli Majlis, M. Satees di sini baru-baru ini.

Menurut David Marshel, seramai 12 pegawai pelesenan MPSP dan 20 anggota polis bantuan menyertai operasi penguatkuasaan yang dilakukan secara serentak di kedua-dua daerah tersebut.

“Sebanyak 14 saman dikeluarkan atas sebab mereka (peruncit) melanggar syarat semasa operasi dijalankan dan tiap-tiap kompaun maksimum adalah bernilai RM250 berdasarkan undang-undang kecil MPSP,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, David Marshel turut menubuhkan Gerakan Anti Arak Murah, serta melancarkan petisyen.

Difahamkan, pergerakan itu menjelang 1 Mei lalu berjaya mengumpulkan 6,330 tandatangan sungguhpun pihaknya mensasarkan 100,000 sokongan.

Pada suatu sidang media, David mendesak Kerajaan Pusat supaya menaikkan harga arak murah atau mengharamkan terus minuman tersebut dalam pasaran tanah air, khususnya di Pulau Pinang.

“Arak murah ini berharga lebih murah daripada (harga) sebotol air mineral.

“Akibatnya, orang ramai khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah atau warga asing sendiripun boleh membeli arak ini dengan harga semurah RM1.70 (untuk kandungan) 125 mililiter, dengan peratusan alkohol (setinggi) 38 peratus,” ujar beliau.



P. David Marshel (tengah) meneliti kompaun yang dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa MPSP dalam operasi bersepadu arak murah di sini baru-baru ini.

Pada April tahun lepas, David Marshel dan Satees menggesa pihak berkuasa berwajib supaya mempertimbangkan cadangan mengharamkan penjualan arak murah, atas sebab berisiko untuk mereka daripada keluarga berpendapatan rendah menghidapi penyakit barah.

Mereka mencadangkan sedemikian berdasarkan maklumat mesyuarat MPSP semasa itu yang mendedahkan, dari 369 premis menjual arak (likuor) yang diberikan lesen, sebanyak 250 premis adalah di pasar raya dan kedai runcit.



# Gotong-royong elak banjir, bahaya pokok tumbang

Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**


TURUT serta dalam aktiviti pembersihan.


JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) berjabat tangan dengan salah seorang ahli jawatankuasa penganjur program gotong-royong Kampung Kebun Lama di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT** – Sebagai persediaan menyambut bulan Ramadan dan Syawal, penduduk Kampung Kebun Lama di sini berganding bahu menganjurkan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, tumpuan utama yang diberikan adalah pembersihan saliran longkang dan penebangan pokok-pokok yang berisiko tumbang sekiranga hujan lebat melanda.

"Kalau tidak dibersihkan, saya bimbang saliran akan tersumbat dan pokok-pokok akan tumbang pada musim hujan nanti.

"Oleh itu, lebih baik kita gotong-royong bersihkan seluruh kampung bagi mengurangkan risiko-risiko ini dan pada masa sama mengelak pembiakan nyamuk aedes,'' katanya yang turut serta dalam program berkaitan di sini baru-baru ini.

Selain gotong royong, beberapa aktiviti kemasyarakatan seperti pertandingan gubahan bunga, pertandingan mewarna dan pameran membabitkan agensi-agensi kerajaan turut diadakan.

## Laluan gelap ancam pengguna, ADUN arah tindakan segera

Gambar : **ADUN**


SOON Lip Chee (tiga dari kiri) mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan pada sesi tinjauan beliau ke Jalan Sungai Bakap di sini baru-baru ini.

**SUNGAI BAKAP –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee baru-baru ini menerima aduan dan gesaan beberapa pengguna jalan raya di Jalan Sungai Bakap di sini yang mendakwa kawasan terbabit gelap pada waktu malam dan mengancam keselamatan pengguna.

Aduan tersebut diterima rentetan kejadian kemalangan melibatkan seorang penunggang motosikal wanita yang bertindak melanggar pembahagi jalan sehingga mengakibatkan kecederaan.

Menurut Lip Chee, Jalan Sungai Bakap merupakan laluan utama bagi kebanyakan penduduk berulang-alik setiap hari temasuk pada waktu malam untuk urusan harian dan terdapat beberapa lokasi yang menjadi kawasan pembinaan projek pelebaran jalan.

"Hasil tinjauan mendapati, pihak kontraktor mengabaikan isu-isu keselamatan iaitu tiada *reflector* (pembalik cahaya) mahupun kon-kon keselamatan, pencahayaan juga kurang dan pemasangan papan tanda yang menghalang penglihatan pengguna jalan raya.

"Jika kontraktor ini di bawah Kerajaan Negeri, pasti sudah diberhentikan kontraknya," katanya kepada pemberita pada sesi lawatan ke kawasan terbabit mewakili ADUN Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee yang masih berada di luar negar baru-baru ini.

Turut sama, Pembantu Khas ADUN Sungai Bakap, Mohd. Kamil Abu Bakar; Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye dan Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Syed Zubir Syed Husin.

Jelas Lip Chee, kes seumpama itu bukanlah pertama kali berlaku yang mana sebelum ini, beliau pernah meminta kontraktor projek supaya menambah jumlah lampu dan papan tanda keselamatan demi keselamatan pengguna jalan raya di Jawi.

"Kontraktor sewajarnya peka tentang keselamatan pengguna jalan raya dan bukannya mengambil sikap lepas tangan atau sambil lewa sahaja.

"Memandu atau menunggang dalam keadaan gelap bukan sahaja membahayakan pengguna jalan raya, malah lebih teruk, meragut nyawa.

"Saya telah arahkan pihak MPSP dan JKR supaya kerap mengadakan pemantauan di kawasan ini termasuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi garis panduan keselamatan jalan raya," tegas beliau.


KEKURANGAN papan tanda keselamatan dan pencahayaan menjadikan Jalan Sungai Bakap sebagai laluan merbahaya pada waktu malam.

## Saran Program Pencetus Ummah acara tahunan, erat silaturahim


GOLONGAN kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna Program Pencetus Ummah 2015 di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN**



SOON Lip Chee (kanan sekali) bergambar dengan salah seorang perserta pertandingan mewarna.

**JAWI–** Kehadiran dua personaliti pendakwah muda, Izzat Fathi Hisham atau lebih dikenali sebagai PU Izzat dan PU Salman (Salman Maslori) telah memeriahkan penganjuran Program Pencetus Ummah 2015 anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Soon Lip Chee berkata, penganjuran yang julung kali diadakan tersebut bertujuan merapatkan hubungan silaturahim tanpa mengenal agama dan bangsa melalui program-program bermanfaat dan bersifat kekeluargaan.

"Sebagai ADUN, saya gembira apabila penganjuran program ini mendapat sambutan memberangsangkan, malah, melalui maklum balas dan saranan beberapa pihak, adalah dicadangkan supaya program ini dijadikan acara tahunan.

"Pastinya, kita akan mempertimbangkan ia kerana melalui program berkaitan, dilihat hubungan antara ibu bapa dan anak-anak yang hadir adalah sangat harmoni bertepatan dengan matlamat penganjuran," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang hari antaranya, persembahan qasidah oleh pelajar Maahad Darul Faizin Bukit Panchor, pertandingan sajak, bercerita, nyanyian nasyid, hafazan, mewarna serta pameran dari agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Acara kemuncak iaitu Forum Perdana turut diadakan di Masjid Daerah Jawi sempena kehadiran bulan Ramadan dengan menampilkan PU Salman, PU Izzat dan Imam Besar Masjid Daerah Jawi, Mohamad Zaki Abdul Halim.

Program Pencetus Ummah 2015 turut mendapat kerjasama Masjid Daerah Jawi, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan syarikat penyiaran, Astro.

# Mudahnya Berwakaf Dengan Dana Wakaf Pulau Pinang

**MUQADIMAH**

Mewakafkan harta adalah salah satu amal jariah yang sangat dituntut oleh agama Islam. Ia merupakan suatu amal soleh yang mana pahalanya akan diberikan secara berterusan oleh Allah s.w.t kepada pewakaf selagi harta atau ain yang diwakafkan itu kekal atau dimanfaatkan. Kedudukan harta wakaf adalah sebagai hak Allah, dengan demikian ia tidak boleh dimiliki, dijual, dihebah (diberi) dan diwarisi kepada sesiapa.

Allah telah mensyariatkan wakaf, menganjur dan menjadikannya sebagai salah satu agenda untuk mendampingkan diri kepadanya. Firman Allah yang bermaksud : "Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji, dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha luas (kurniaanNya) lagi Maha Mengetahui".

**KONSEP DANA WAKAF**

Dana wakaf adalah satu skim yang menggalakkan orang ramai menyumbangkan sedekah jariah (wakaf) untuk selama-lamanya kerana Allah s.w.t. pada nilai minimum RM5.00 dengan tujuan demi kepentingan dan kebajikan umat Islam. Sesiapa saja yang beragama Islam boleh menyertai skim ini. Skim Dana Wakaf ini memudahkan umat Islam untuk mewakafkan harta. Sumbangan dana wakaf yang terkumpul akan disatukan dan dijadikan modal untuk membeli harta kekal seperti tanah, bangunan dan sebagainya.

**MATLAMAT DANA WAKAF**

- ➢Melaksanakan ibadah wakaf secara berkelompok.
- ➢Melambangkan penyatuan dan kerjasama umat Islam berteraskan ukhuwah Islamiah.
- ➢Melaksanakan strategi pembangunan harta-harta wakaf dan ekonomi umat Islam secara lebih meluas, dinamik dan bersepadu.
- ➢Meluaskan saluran kabajikan dengan sistematik dan berkesan.
- ➢Memberi alternatif kepada semua golongan umat Islam untuk turut menyumbang ke arah pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam.
- ➢Melahirkan dan menzahirkan pembangunan institusi wakaf dengan lebih produktif dan berwibawa.

**KE MANA DANA WAKAF DILABURKAN?**

Sumbangan yang dikumpulkan di dalam tabung dana wakaf akan ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan BADAL atau ganti wang. Penukaran ini dibuat dalam bentuk :-

- ➢ Pembangunan hartanah
- ➢ Pembangunan tanah wakaf yang sedia ada
- ➢ Pembinaan bangunan pejabat / kedai / sekolah
- ➢ Pembangunan perladangan, ternakan dan perkilangan.

Harta wakaf yang dibuat dalam bentuk ini dinamakan Wakaf Musytarak / Wakaf Berkelompok.

**DANA WAKAF (WAKAF YANG SAH)**

Di antara syarat-syarat sah wakaf ialah kekal zatnya. Wang ringgit tidak sah diwakafkan kerana hilang ainnya apabila dibelanjakan. Oleh itu, untuk membolehkan wang ringgit itu sah menjadikan wakaf, ianya perlu ditukarkan ke dalam bentuk benda yang kekal.

➢ Perlaksanaan ibadah wakaf yang berasaskan kepada skim ini adalah mengikut cara dan kaedah berikut :-

➢ Mana-mana individu / organisasi boleh menyumbangkan sedekah jariah (semata-mata kerana Allah s.w.t. untuk selama-lamanya) pada nilai minima RM5.00.

➢ Penyumbang dana wakaf akan mewakilkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi pihak dirinya atau orang lain untuk mewakafkan mana-mana harta kekal melalui jumlah sumbangan yang diberinya untuk kepentingan dan kebajikan umat Islam kerana Allah Taala selama-lamanya.

**Setiap sumbangan akan dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. No. Rujukan : LHDN.01/35/42/51/179-1.**

Dana Wakaf Pulau Pinang merupakan satu altenatif kepada pelaksanaan ibadah wakaf. Pelaksanaannya berkonsepkan wakalah. Ini bermaksud, para penyumbang mewakilkan kepada MAINPP untuk mewakafkan mana-mana ain kekal kerana Allah Ta'ala. Ini merupakan satu usaha untuk mengembeleng kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah wakaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang. **Para penyumbang boleh menyalurkan sumbangan serendah RM5.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ringgit) dan tiada had maksimum yang ditetapkan**. Bermula dari RM5.00 ini, semua dana yang terkumpul akan disalurkan menjadi a'in kekal sebagaimana syarat kepada sesuatu wakaf itu diwujudkan.

Dalam tempoh 19 tahun pewujudannya, secara berdikit-dikit Dana Wakaf Pulau Pinang telah berjaya mengumpulkan sumbangan wang tunai berjumlah RM3,301,251.47. Daripada sumbangan tersebut, sejumlah RM2,347,130.00 telah digunakan untuk membeli tiga (3) buah bangunan dana wakaf. Berikut adalah senarai dan maklumat bangunan yang dibeli daripada sumber dana wakaf

| Nama Bangunan | Dana Wakaf Bandar Perda |
|---|---|
| Gambar Bangunan |  |
| Tahun Beli | 2009 |
| Kos | RM560,000.00 |
| Disewakan Kepada | Pusat Urus Zakat |
| Kadar Sewa Bulanan | No. 6 Jalan Perda Selatan – 1 Jun 2010 – 2 Mei 2015(RM1,400.00)<br>No. 6A Jalan Perda Selatan - 1 Jun 2010 – 2015 (RM900.00)<br>No. 6B Jalan Perda Selatan - 1 Jun 2010 – 2015 (RM600.00) |
| Jumlah Hasil Sewa Terkumpul | **RM169,860.00** |

| Nama Bangunan | Dana Wakaf Taman Selat |
|---|---|
| Gambar Bangunan |  |
| Tahun Beli | 1996 |
| Kos | RM880,000.00 |
| Disewakan Kepada | Pusat Urus Zakat |
| Kadar Sewa Bulanan | No. 65 Taman Selat - 1 Januari 2010 – 2015 (RM4,700.00) |
| Jumlah Hasil Sewa Terkumpul | **RM277,864.00** |

| Nama Bangunan | Dana Wakaf Lebuh Chulia |
|---|---|
| Gambar Bangunan |  |
| Tahun Beli | 2007 |
| Kos | RM857,130.00 |
| Disewakan Kepada | Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang<br>(1 Mei 2010 – 30 September 2011)<br>Yayasan Kebajikan Negara<br>( 2 Mei 2012 – 2015) |
| Kadar Sewa Bulanan | No. 53 Lebuh Chulia - RM5,700.00 |
| Jumlah Hasil Sewa Terkumpul | **RM284,842.00** |

Ilustrasi antara nilai harga belian bangunan, hasil sewaan dan nilai semasa bangunan; **NILAI HARGA BELIAN DAN HASIL SEWAAN SEHINGGA JUN 2015**




**KE MANA HASIL SEWAAN INI DISALURKAN;**

Konsep pengagihan hasil wakaf yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang **Bil 5/ 2009** bertarikh **22 Oktober 2009** adalah seperti carta pai berikut;




Setelah menukarkan sumbangan orang ramai ke dalam bentuk a'in kekal dengan cara pembelian aset, harta-harta ini selanjutnya akan mula menjana kebajikan samada secara langsung atau tidak langsung.

Maksud menjana kebajikan secara langsung adalah dengan cara memanfaat bangunan tersebut dengan aktiviti bermotifkan sosial atau keagamaan seperti kelas-kelas pengajian seumpama sekolah agama, madrasah dan sebagainya.

Manakala kaedah penjanaan kebajikan secara tidak langsung adalah melalui pembelian aset-aset komersial seperti rumah kedai, kedai pejabat dan sebagainya. Bangunan komersial ini akan disewakan kepada masyarakat Islam, syarikat atau mana-mana institusi Islam yang memerlukan. Melalui hasil sewa yang dipungut, penjanaan 40% bahagian kebajikan boleh digunakankan termasuklah bantuan pendidikan, gerakan dakwah, kebajikan dan lain-lain.

Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan peranan Dana Wakaf Pulau Pinang beberapa pendekatan baru yang melibatkan pemahaman dalam melaksanakan konsep berwakaf telah diperkenalkan oleh MAINPP. Mulai tahun 2013, MAINPP telah menggunakan pendekatan untuk memasyarakatkan amalan berwakaf. Satu anjakan telah dibuat dengan cara mengatur beberapa strategi bagi melibatkan masyarakat dalam melaksanakan ibadah berwakaf. Pendekatan ini dinamakan sebagai mengembalikan hak wakaf yang disuburkan melalui institusi masyarakat kepada masyarakat. Untuk itu MAINPP sebagai mutawalli akan bertindak sebagai regulator atau pemudahcara dalam menyuburkan amalan berwakaf di negeri ini.

Dalam merangka strategi pelaksanaannya, pihak MAINPP telah mengorak langkah menjalinkan kerjasama dengan beberapa institusi seperti pihak USM untuk membangunkan pusat kajian Pengurusan Pembangunan Islam, bekerjasama dengan Persatuan Nurul Islam bagi membeli sebidang tanah milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk diwakafkan dan cadangan membeli tanah untuk Madrasah Miftahul Irfan Sungai Burung, Daerah Barat Daya. Buat masa ini terdapat beberapa produk khas yang sedang dalam rundingan untuk diwujudkan kerjasama antara MAINPP dengan badan-badan berkenaan untuk mengumpul Dana Wakaf Pulau Pinang.

Untuk tujuan tersebut juga, beberapa langkah telah diambil bagi memberi kemudahan kepada masyarakat dalam melaksanakan ibadah ini. Terdapat tiga cara berwakaf yang boleh dilaksanakan sebagai mana berikut :-

1. Sumbangan tunai atau secara terus di kaunter MAINPP.
2. Sumbangan wakaf melalui potongan gaji
3. Sumbangan wakaf secara terus melalui laman web menggunakan kemudahan Financial Process Exchange (FPX) dan Mastercard Internet Gateway Service (MiGS) dengan cara melayari *www.danawakaf.com*

**BAGAIMANA CARANYA ANDA BOLEH BERWAKAF :-**

**1. Sumbangan tunai atau cek terus di kaunter MAINPP**

Mana-mana orang atau pihak yang telah memenuhi syarat berwakaf boleh hadir ke kaunter MAINPP pada bila-bila masa pada waktu pejabat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang untuk menunaikan ibadah berwakaf. Sumbangan boleh di buat dengan cara mengisi borang yang ringkas, yang telah disediakan bagi memenuhi akad berwakaf.

**2. Sumbangan wakaf melalui potongan gaji**

Sekiranya anda seorang perkhidmat kerajaan atau swasta serta berhasrat untuk melaksanakan ibadah wakaf secara berterusan di sepanjang perkhidmatan anda. Anda boleh mengisi borang permohonan potongan gaji yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.danawakaf.com. Sila cetak dan dapatkan pengesahan majikan anda bagi maksud mendapatkan kelulusan potongan gaji dan poskan ke alamat MAINPP untuk tindakan susulan MAINPP. Pihak MAINPP juga sedia hadir ke tempat kerja anda bagi memberi penjelasan dengan lebih lanjut berkaitan perkhidmatan potongan gaji untuk berwakaf atau lain-lain kemusykilan berkenaan amalan berwakaf.

**3.Sumbangan wakaf secara *on-line***

Bagi mereka yang sibuk tetapi selalu menggunakan perkhidmatan secara atas talian anda boleh melayari www.danawakaf.com untuk menunaikan ibadah wakaf anda. Ada dua kemudahan yang anda boleh gunakan untuk menyatakan sumbangan anda iaitu samada melalui Financial Process Exchange (FPX) dan Mastercard Internet Gateway Service (MiGS). Melaui laman web tersebut, anda boleh memilih untuk melaksanakan wakaf am atau wakaf khas sebagai mana yang telah dinyatakan dalam keterangan di laman web berkenaan.

**KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI**
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
Tingkat 8 & 9, Menara UMNO,
128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang.
Tel : **04-2260305 / 2260312** Faxs : **04-2260380**
**(Tn. Hj Fakhruddin / Cik Hasliza / Pn. Noor Diana)**

# Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................

No. Telefon : (Rumah) .............. (Bimbit) : ..............

Emel: ..............................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**